

# Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatiyah (1: 1-7)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatiyah (1: 1-7)" in *Program Budaya al-Quran* pada 19hb. Julai 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-112.

## Abstract

Hidayah di atas jalan pertunjuk merupakan inti pati terpenting seseorang hamba tunduk beribadah dan memohon permohonan kepada Tuhan. Kertas kerja ini adalah kertas kerja kepustakaan untuk mencari tafsiran Surah *al-Fatiyah* (1: 1-7) daripada kitab tafsir *turath Islami*. Hasil dapat menunjukkan bahawa surah ini merupakan ibu segala surah kerana dalamnya terkandung perbincangan penting untuk diketahui, difahami, dihayati, dan diamalkan oleh umat manusia khusus dalam kalangan Muslim tentang nama surah, ciri istimewa, ciri teragung pada makna dan kandungan. Surah ini juga menjadi aspek terpenting untuk tujuan ibadah, rawatan, perlindungan, dan mendapat keberkatan; terdapat zikir dan tahmid yang terbaik buat manusia; pengajaran Allah SWT kepada para hamba adab berdoa dan meminta pertolongan; dan ucapan 'amin'. Turut dibincangkan dalam surah ini ialah tentang Allah SWT dan zat serta beberapa sifat-Nya yang penting seperti *al-Rahman*, *al-Rahim*, dan *Malik*. Selain itu, kupasan surah ini juga menyentuh tentang 'Rabb' dan 'alam'; hanya Allah SWT yang layak disembah dan dipohon pertolongan; peranan hidayah ke jalan yang lurus dan kepentingan permohonan tersebut; serta golongan yang diberi nikmat, kemurkaan, dan golongan yang sesat. Kata kunci: Allah, *al-Rahman*, *al-Rahim*, *al-hamdu lillah*, *Rabb al-'alamin*, *Malik al-Din*, ibadah, doa, hidayah, jalan yang lurus, jalan orang yang dimurkai, jalan orang yang sesat.

## References

- Abdullah, Salahuddin, & Khalid, Omar. (2009). *Tafsir Mubin* (Vol. 1-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arnā'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arnā'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Amir, Muhammad. (2011). *Al-Tanwir Sharh al-Jami' al-Saghir* (Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim Ed. Vol. 1-11). Al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz *al-Rahman* Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas'ud. (1997). *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an – Tafsir al-Bughawi* (Muhammad 'Abdullah Al-Namr, Uthman Juma 'ah Dhamiriyyah, & Sulayman Muslim Al-Hirsh Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar Tayyibat li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanahi wa Ayyamihī – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad Isma'il. (1980). *Juz' al-Qiraah Khalf al-Imam* (Fadl *al-Rahman* Al-Thawri Ed. Vol. 1-9). Lahore: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanahi wa Ayyamihī – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.

- Al-Daruqutni, Abu al-Hasan ‘Ali. (2004). *Sunan al-Daruqutni* (Shu‘aib Al-Arna’ut, Hasan ‘Abd al-Mun‘im Shalbi, ‘Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum Ed. Vol. 1-5). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fakihi, Muhammad Ishaq. (1970). *Akhbar Makkah fi Qadim al-Dahr wa Hadisihi* (‘Abd al-Malik ‘Abdullah Dahish Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar Khidr.
- Al-Harawi, Muhammad Ahmad. (2001). *Tahzib al-Lughah* (Vol. 1-8). Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Khara’it, Muhammad Ja’far. (1999). *Makarim al-Akhlaq wa Ma’aliha Mahmud Tara’quha* (Ayman ‘Abd al-Jabir Al-Bahiri Ed. Vol. 1). Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. (1988). *Al-Sunnah* (Salim al-Salafi Ahmad Ed.). Beirut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
- Al-Mawardi, ‘Ali Muhammad. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafii wa huwa Sharh Mukhtasar al-Muzanni* (al-Hasan al-‘Ali Muhammad Mu‘awwid & ‘Adil Ahmad ‘Abd al-Maujud Ed. Vol. 1-19). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, ‘Ali Muhammad. (t.t.). *Al-Iqna’ fi Fiqh al-Shafi‘i* (Vol. 1-18). T.T.P.: T.P.
- Al-Mubarakfuri, ‘Ubayd Allah. (1984). *Mura’at al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih*. Al-Hind: Idarat al-Buhuth al-‘Ilmiyyah wa al-Da‘wah wa al-Ifta’ - al-Jami‘at al-Salafiyyah.
- Al-Mulla Ali al-Qari, ‘Ali. (2002). *Mirqat al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih* (Vol. 1-9). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Muzhiri, al-Hussain. (2012). *Al-Mafatih fi Sharh al-Masabih* (Lanjah al-Mukhtassah min al-Muhaqqiqin bi Ishraf Nur al-Din al-Talib Ed. Vol. 1-6). Kuwait: Dar al-Nawadir.
- Al-Nasa’i, Ahmad Shu‘aib. (1986). *Al-Mujtabi min al-Sunan* (‘Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1996). *Al-Tibyan fi Adab Hamlat al-Qur’an* (Muhammad al-Hijar Ed.). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu‘aib Al-Arna’ut Ed.). Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (t.th.). *Al-Majmuk Sharh al-Muhazzab (ma‘a Takmilah al-Subki wa al-Muti‘iy)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. (1964). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Quran* (Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atyah Ed.). Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. (2003). *Jami‘ bayan al-ilm wa Fadlihi* (Hisyam Samir al-Bukhari Ed.). Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘udiyyah: Dar ‘Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad ‘Umar. (1999). *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Araby.
- Al-Sabuni. (1981). *Mukhtasar Ibn Kathir* (Vol. 1-3). Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shafi‘i, Muhammad Idris. (1990). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Tabari, Ibn al-Jarir. (1965). *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Al-Qaherah: Matbaah al-Hasaniyyah al-Misriyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). *Al-Dua’ li al-Tabrani*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu‘jam al-Kabir* (Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar ‘Awad Ma‘ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa. (1998). *Al-Jami‘ al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar ‘Awad Ma‘ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Urami, Muhammad al-Amin. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhaj Sharh Sahih Muslim* (Hashim Muhammad ‘Ali Mahdi Ed.). Makkah al-Mukarramah: Dar al-Minhaj.
- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn ‘Abbas, Abdullah ‘Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu ‘Abbas* (Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya‘kub Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub ‘Imliyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1999). *Tafsir al-Quran al-A‘zim* (Vol. Juz. 1-4). Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. (2001). *Tafsir Al-Tabari - Jami‘ al-Bayan fi Ta’wil al-Quran* (‘Abdullah bin ‘Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy Ed. Vol. 1-24). Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba‘ah wa al-Nasr wa al-Tawzi‘ wa al-I‘lan.
- Ibn Kathir, Isma‘il ‘Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-A‘zim* (Sami ibn Muhammad Salamah Ed.). Beirut: Dar Tayyibah li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Ibn Kathir, Isma‘il ‘Umar. (2009). *Musnad al-Faruq Amir al-Mu‘minin Abi Hafs ‘Umar bin Khattab RA wa Aqwalihi ‘ala Abwab al-‘alam*. (Imam bin ‘Ali bin Imam Ed.). Mesr: Dar al-Falah.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu‘ayb Al-Arna’ut, ‘Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Malik, Anas. (2004). *Muwatta'* (Muhammad Mustafa al-A‘zami Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A‘mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

# HIDAYAH SEBAGAI ANUGERAH TIDAK TERNILAI: SURAH AL-FATIHAH (1: 1-7)\*

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Abstrak

*Hidayah di atas jalan pertunjuk merupakan inti pati terpenting seseorang hamba tunduk beribadah dan memohon permohonan kepada Tuhanya. Kertas kerja ini adalah kertas kerja kepustakaan untuk mencari tafsiran Surah al-Fatihah (1: 1-7) daripada kitab tafsir turath Islami. Hasil dapat menunjukkan bahawa surah ini merupakan ibu segala surah kerana dalamnya terkandung perbincangan penting untuk diketahui, difahami, dibayati, dan diamalkan oleh umat manusia khusus dalam kalangan Muslim tentang nama surah, ciri istimewa, ciri teragung pada makna dan kandungan. Surah ini juga menjadi aspek terpenting untuk tujuan ibadah, rawatan, perlindungan, dan mendapat keberkatan; terdapat zikir dan tabmid yang terbaik buat manusia; pengajaran Allah SWT kepada para hamba adab berdoa dan meminta pertolongan; dan ucapan ‘amin’. Turut dibincangkan dalam surah ini ialah tentang Allah SWT dan zat serta beberapa sifat-Nya yang penting seperti al-Rabman, al-Rahim, dan Malik. Selain itu, kupasan surah ini juga menyentuh tentang ‘Rabb’ dan ‘alam’; hanya Allah SWT yang layak disembah dan dipohon pertolongan; peranan hidayah ke jalan yang lurus dan kepentingan permohonan tersebut; serta golongan yang diberi nikmat, kemurkaan, dan golongan yang sesat.*

Kata kunci: Allah, al-Rabman, al-Rahim, al-hamduillah, Rabb al-'alamin, Malik al-Din, ibadah, doa, hidayah, jalan yang lurus, jalan orang yang dimurkai, jalan orang yang sesat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ السَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ۝ مَلَكِ يَوْمِ الدِّينِ ۝ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرَ الْمَعْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ۝

Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani (1). Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam (2). Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3) Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat) (4). Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan (5). Tunjukilah kami jalan yang lurus (6), iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat (7).

(Surah al-Fatihah, 1-7)

## PENGENALAN

Surah ini dinamakan dengan *al-Fatihah* kerana surah ini merupakan surah pembuka bagi al-Quran. Turut dinamakan dengan *al-Fatihah* kerana surah ini juga menjadi pembukaan bacaan dalam solat. Selain *al-Fatihah*, surah ini dipanggil dengan nama yang pelbagai antaranya ialah *Umm al-Quran*, *Umm al-Kitab*, *al-Sab'* *al-Mathani*, dan *al-Quran al-'Azim* (Ibn Kathir, 1999). Nama ini sebahagianya diberitakan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam satu hadis (Al-Tirmidhi, M., 1998: 3124; Abu Dawud, 2009: 1457):

\* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah pada 19hb. Julai 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْحَمْدُ لِلَّهِ أُمُّ الْقُرْآنِ وَأُمُّ الْكِتَابِ وَالسَّبْعُ الْمَثَانِي".

Maksud: Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "(Surah al-hamdulillah (al-Fatihah, [1:1-7]) ialah (nama lain dipanggil juga sebagai) Umm al-Quran, Umm al-Kitab, dan Sab' al-Mathani.

(Al-Tirmidhi dan Abu Dawud)

Manakala nama al-Quran *al-Azim* pula datang daripada riwayat yang lain, iaitu daripada riwayat hadis daripada Imam (Al-Bukhari, M. I., 2001: 4703). Nama lain bagi surah *al-Fatihah* ini ialah Asas al-Quran (Al-Sabuni, 1981). Imam Al-Muzhiri (2012: 3/369) pula menjelaskan makna *al-Sab'* *al-Mathani* dalam hadis adalah merujuk kepada makna tujuh ayat berulang-ulang, iaitu sentiasa diulang-ulangkan ayat ini dalam solat. Sesetengah ulama menyatakan bahawa *al-Mathani* dalam hadis adalah satu perkataan jamak daripada *al-Mathna*, iaitu *al-Thana'* bermaksud pujian. Perkataan ini sama dengan perkataan *al-Mahmadah*, iaitu tempat pujian dan surah *al-Fatihah* dipanggil *al-Mathani* kerana dalamnya terdapat pujian kepada Allah SWT.

Surah ini mempunyai tujuh ayat dan merupakan surah Makkiyyah pada keseluruhan ayatnya (Abdullah & Khalid, 2009). Sebagai ingatan bahawa segala terjemahan al-Quran adalah menggunakan terjemahan Abdullah Basmeih (1999).

## KEUTAMAAN SURAH

Keutamaan surah *al-Fatihah* (1: 1-7) berdasarkan hadis pada asasnya ada empat kelebihan, iaitu surah ini dianggap sebagai penurunan wahyu al-Quran yang terbesar dan terpenting, surah yang mempunyai ciri yang istimewa, surah yang digunakan untuk tujuan rawatan, dan surah yang menjadi rukun dalam solat.

### Wahyu al-Quran Teragung

Surah *al-Fatihah* (1: 1-7) adalah dianggap penurunan wahyu al-Quran yang terbesar menurut hadis. Hadis tersebut diceritakan seperti berikut (Al-Bukhari, M. I., 2001: 4703):

عَنْ أَبِي سَعِيدِ بْنِ الْمُعَلَّى، قَالَ: مَرَرْتُ بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أُصَلِّي، فَدَعَانِي فَلَمْ آتِهِ حَتَّىٰ صَلَّيْتُ ثُمَّ آتَيْتُ، فَقَالَ: «مَا مَنَعَكَ أَنْ تَأْتِينِي؟» فَقُلْتُ: كُنْتُ أُصَلِّي، فَقَالَ: "أَلَمْ يَقُلِ اللَّهُ: {يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِبُو لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحِبِّيْكُمْ}؟ ثُمَّ قَالَ: «أَلَا أَعْلَمُكَ أَعْظَمَ سُورَةً فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ أَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ» فَذَهَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ فَذَكَرْتُهُ، فَقَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ الَّذِي أُوتِيْتُهُ»

Maksud: Abu Sa'id bin al-Mu'alla berkata, "Nabi SAW melalui berhampiran denganku ketika aku solat dan Baginda SAW memanggilku namun aku tidak menemui-Nya sehingga aku selesai solat. Ketika aku sampai, Baginda SAW bertanya, "Apa yang menghalangimu untuk menemuiku?" Aku menjawab, "Aku sedang solat." Baginda memberitahu, "Tidakkah Allah pernah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِبُو لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ إِذَا دَعَاكُمْ لِمَا يُحِبِّيْكُمْ

Erti: Wahai orang yang beriman, sabut dan sambutlah seruan Allah dan seruan Rasul-Nya apabila ia menyeru kamu kepada perkara yang menjadikan kamu hidup sempurna. 24. (Surah al-Anfal, 8: 24).

Ketahuilah aku ingin mengajarmu satu surah yang sangat agung dalam al-Quran sebelum aku keluar masjid. Lalu Nabi SAW pergi supaya dia boleh keluar daripada masjid. Aku mengingatkan baginda tentang apa yang ingin

disebutkan, lalu Baginda SAW bersabda, “الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ”，surah ini ialah al-Sab‘ al-Mathani [tujuh ayat yang penuh dengan puji] dan merupakan surah al-Quran yang teragung yang pernah diberikan kepadaku.”

(Al-Bukhari)

Al-Muzhiri (2012: 3/369) menjelaskan bahawa surah *al-Fatihah* merupakan surah teragung kerana dalamnya terdapat puji terhadap Allah SWT, sifat pemurah dan penyayang-Nya, pemilikan tunggal terhadap hari pembalasan, ada menyebut tentang peribadatan hamba dan permohonan mereka kepada-Nya, serta menyebutkan bentuk permohonan hamba kepada-Nya. Semua perkara ini dianggap sesuatu yang sangat agung dan besar. Selain itu, perbezaan penting surah ini ialah tidak terdapat langsung kisah umat terdahulu dan tentang orang kafir.

### **Surah yang Mempunyai Ciri Istimewa**

Ciri istimewa surah *al-Fatihah* ialah terdapat perbezaan sedikit ketika penurunannya berbanding dengan surah yang lain serta ciri surah itu sendiri yang tidak ada yang seumpamanya sama dalam al-Quran itu sendiri atau jika dibandingkan dengan kitab sebelum al-Quran. Ciri istimewa surah *al-Fatihah* ketika pernurunan sebagaimana yang digambarkan dalam hadis berikut (Muslim, t.th.: 806):

عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: "بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ وَعِنْدُهُ جِبْرِيلٌ ﷺ إِذْ سَمِعَ نَقِيضًا فَوْقَهُ، فَرَفَعَ جِبْرِيلُ ﷺ بَصَرَهُ إِلَى السَّمَاءِ، فَقَالَ: "هَذَا بَابٌ قَدْ فُتِحَ مِنَ السَّمَاءِ مَا فُتِحَ قُطُّ، قَالَ: فَنَزَّلَ مِنْهُ مَلَكٌ فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: أَبْشِرْ بِنُورَيْنِ أُوتِيَتُهُمَا لَمْ يُؤْتَهُمَا نَيِّرٌ قَبْلَكَ: فَاتِحَةُ الْكِتَابِ وَخَوَاتِيمِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ لَمْ تَقْرَأْ حَرْفًا مِنْهُمَا إِلَّا أُعْطِيَتُهُ".

Maksud: Ibn 'Abbas RA berkata, “Satu ketika Rasuhullah SAW bersama Jibril AS, tiba-tiba terdengar suara gemuruh di atas-Nya. Lalu Jibril AS melihat ke langit dan berkata, “Pintu ini dibuka di langit yang sebelum ini belum pernah dibuka. Ibn 'Abbas berkata, “Lalu turunlah seorang malaikat mengadap Nabi SAW dan berkata, “Bergembiralah dengan dua cahaya yang diberikan kedua-duanya yang belum pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelum ini, iaitu (surah) Fatihah untuk Kitab (al-Quran) dan penutup bagi surah al-Baqarah. Tidak seorangpun daripada kamu yang membacanya satu huruf daripadanya kedua-duanya melainkan diperkenankan permintaannya.”

(Muslim)

Al-Mulla Ali al-Qari (2002: 4/1464) menjelaskan maksud hadis bahawa tidak seorangpun daripada kamu yang membacanya satu huruf daripada kedua-duanya melainkan diperkenankan permintaannya”, iaitu Allah SWT akan menunaikan hajat hambanya khususnya apa yang terdapat dalam surah *al-Fatihah* itu sendiri daripada hajat untuk mendapatkan hidayah dan daripada akhir surah *al-Baqarah* untuk mendapatkan keampunan.

Selain itu, surah *al-Fatihah* (1: 1-7) juga merupakan surah yang sifat dan cirinya tidak pernah diturunkan sebelum ini sama ada seperti Kitab Taurat atau Kitab Injil. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2875; Al-Nasa'i, 1986: 914; Ahmad, M. H., 2001: 21094):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنْ أَبِي بْنِ كَعْبٍ ﷺ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِي التَّوْرَةِ، وَلَا فِي الْإِنْجِيلِ مِثْلَ أُمُّ الْقُرْآنِ وَهِيَ السَّبْعُ الْمَتَانِي، وَهِيَ مَقْسُومَةٌ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي وَلَعَبْدِي مَا سَأَلَ».

Maksud: Abu Hurayrah dan Ka 'ab RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Tidak Pernah Allah SWT menurunkan dalam Taurat atau Injil seperti Umm al-Quran, iaitu surah yang mempunyai tujuh ayat yang bersifat al-Mathani dan surah ini terbahagi antara-Ku dan hambaku dua bahagian, dan bagi hamba-Ku yang separuh itu apa yang mereka pinta.

(Al-Tirmidhi, al-Nasa'i, dan Ahmad)

Berdasarkan hadis bahawa keistimewaan surah *al-Fatihah* (1: 1-7) berbanding dengan kitab daripada langit sebelum ini ialah tidak ada satu surahpun yang diturunkan serupa sebagaimana surah ini.

### **Surat yang Menjadi Rukun Solat**

Surah *al-Fatihah* juga merupakan satu-satunya surah yang menjadi rukun bacaan dalam solat. Tanpa bacaan surah ini, maka solat seseorang tidak sah (Al-Mawardi, t.t.: 1/42; 1999: 2/104). Rukun solat ini bersandarkan dalil hadis yang menjelaskan (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 247):

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِيتِ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَا صَلَاةً لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

Maksud: 'Ubada bin al-Samit (menceritakan bahawa) Nabi SAW bersabda, "Tidak sah solat bagi sesiapa yang tidak membaca Pembuka al-Kitab (Surah *al-Fatihah*)."

(Al-Tirmidhi)

Kelebihan membaca surah ini dalam solat seolah-olah berlaku perbicaraan antara hamba dengan Allah SWT. Hal ini demikian sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis berikut (Muslim, t.th.: 395):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: «مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَقْرَأْ فِيهَا يَاءً مُّكَبَّرَةً فَهِيَ خَدَاجٌ» ثَلَاثًا غَيْرُ تَمَامٍ. فَقِيلَ لِأَبِي هُرَيْرَةَ: إِنَّا نَكُونُ وَرَاءَ الْإِمَامِ؟ فَقَالَ: «أَفْرَأَنَا بِهَا فِي نَفْسِكُمْ؟» فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ: "قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: قَسَمْتُ الصَّلَاةَ بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي نِصْفَيْنِ، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ، فَإِذَا قَالَ الْعَبْدُ: ﴿الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: حَمْدِنِي عَبْدِي، وَإِذَا قَالَ: ﴿الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: أَثْنَى عَلَيَّ عَبْدِي، وَإِذَا قَالَ: ﴿مَالِكِ يَوْمَ الدِّينِ﴾، قَالَ: مَجَدِنِي عَبْدِي - وَقَالَ مَرَّةً فَوَضَّعَ إِلَيَّ عَبْدِي - فَإِذَا قَالَ: ﴿إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ﴾ قَالَ: هَذَا بَيْنِي وَبَيْنَ عَبْدِي، وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ، فَإِذَا قَالَ: ﴿إِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ﴾ قَالَ: هَذَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ.

Maksud: Abu Hurayrah RA (menceritakan bahawa) Nabi SAW bersabda, "Sesiapa yang solat dan dia tidak membaca ketika solat Umm al-Quran" [Nabi mengulang ayat ini] tiga kali, maka solatnya tidak sempurna." Kemudian Abu Hurayrah ditanya, "Bagaimana sekiranya kami berada di belakang Imam?" Lantas Abu Hurayrah menjawab, "Baca (perlahan) untuk dirimu." Hal ini kerana aku mendengar Nabi SAW bersabda, "Aku membahagikan solat antara-Ku dan hamba-Ku separuh. Untuk hamba-Ku aku perkenankan apa yang dia pinta. Apabila hamba-Ku membaca: *الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ*, Allah SWT berfirman, "Hamba-Ku memujiku." Apabila hamba-Ku membaca: *الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ*, Allah SWT berfirman: "Hamba-Ku memujui-mujiku." Apabila hamba-Ku membaca: *مَالِكِ يَوْمَ الدِّينِ*, Allah SWT berfirman,

*“Hamba-Ku mengagung-agungka diri-Ku – Kadang-kadang Allah SWT berfirman, “Hamba-Ku menyerahkan dirinya kepada-Ku.” Apabila hamba-Ku membaca: أَيَّاكَ تَعْبُدُ وَأَيَّاكَ تَسْتَعِينُ Allah SWT berfirman, “Hal ini antara-Ku dan hambaku, hambaku akan mendapatkan apa yang dia pinta.” Apabila hamba-Ku membaca: اهْنَا الصِّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ صِرَاطٌ اهْنَا الْمُنَجِّيْنَ اللَّذِيْنَ أَعْنَتْ عَلَيْهِمْ غَيْرُ الْمَضْحُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ Allah SWT berfirman, “Permintaan ini untuk hamba-Ku dan apa yang hamba-Ku pinta pasti aku perkenankan.”*

(Muslim)

Hadis Muslim ini membuktikan bahawa Allah SWT sangat perihatin terhadap pembacaan surah *al-Fatihah* hamba-Nya yang sedang solat. Setiap ayat dibaca oleh hamba-Nya dijawab oleh Allah SWT sehingga ketika hamba-Nya sampai ayat untuk meminta hidayah, Allah SWT sudah memperkenankan doa dan permintaan hamba-Nya tersebut.

### **Surah untuk Tujuan Rawatan**

Salah satu kelebihan surah *al-Fatihah* (1: 1-7) ialah dari segi kemampuannya untuk merawat sakit. Cara rawatannya ialah dengan membacakannya surah ini pada tempat kesakitan atau surah ini dibacakan pada tapak tangan atau air dan disapukan pada tempat yang sakit. Berkaitan dengan surah ini dijadikan rawatan berdasarkan hadis berikut (Al-Bukhari, M. I., 2001: 5007; Muslim, t.th.: 2201):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: نَزَلَتْ مَنْزِلًا، فَأَتَتْنَا امْرَأَةً فَقَالَتْ: إِنَّ سَيِّدَ الْجَيْحَ سَلِيمٌ، لَدِعَ، فَهَلْ فِيهِمْ  
مِنْ رَاقِ؟ فَقَامَ مَعَهَا رَجُلٌ مِنَّا، مَا كُنَّا نَظُنُّهُ يُحْسِنُ رُقْيَةً، فَرَفَاهُ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ فَبَرَأَ، فَأَعْطَوْهُ عَنَّمَا،  
وَسَقَوْنَا لَبَنًا، فَقُلْنَا: أَكُنْتَ تُحْسِنُ رُقْيَةً؟ فَقَالَ: مَا رَقِيَّتُهُ إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ قَالَ فَقُلْتُ: لَا تُحْرِكُوهَا  
حَتَّىٰ نَأْتِيَ النَّبِيَّ ﷺ، فَأَتَيْنَا النَّبِيَّ ﷺ فَدَكَرْنَا ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: «مَا كَانَ يُدْرِيْهِ أَنَّهَا رُقْيَةٌ؟ اقْسِمُوا  
وَاضْرِبُوْلِي بِسَهْمٍ مَعَكُمْ».

Maksud: Abu Sa'id al-Khudri berkata, "Kami turun (daripada kenderaan ketika bermusafir) untuk berhenti, tiba-tiba datang seorang wanita berkata, "Sesungguhnya tuan al-Hayy Salim digigit (binatang berbisa). Bolehkan antara kamu yang menjampi?" Lalu seorang lelaki yang dalam kalangan kami bangun sedangkan tidak ada dalam kalangan kami yang tahu dia pandai menjampi. Lalu lelaki itu menjampinya dengan membacakan surah *al-Fatihah* di tempat yang digigit dan sakitnya membaik. Lalu kaum itu memberinya seekor kambing yang kami ambil susu untuk minum daripadanya. Kami bertanya, "Adakah engkau pandai menjampi?" Lelaki itu berkata, "Aku tidak menjampinya malainkan dengan membacakannya pembuka al-Kitab. Aku (Abu Sa'id) berkata, "Jangan gangu kambing itu sehingga kita berjumpa Nabi SAW." Apabila kami bertemu Nabi SAW dan menceritakan peristiwa tersebut. Lalu Baginda SAW bersabda, "Dari mana dia mengetahui bahawa surah *al-Fatihah* merupakan jampi untuk merawat. Bahagikan bahagian itu antaraku dan antara kamu."

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa surah *al-Fatihah* boleh dijadikan jampi bagi merawat sengatan binatang sebagai kias kepada apa sahaja jenis sakit dengan dibacakan pada tempat sakit. Selain itu, hadis ini juga menunjukkan bahawa mengambil upah merawat menggunakan al-Quran juga dibenarkan sehingga Nabi SAW menunjukkan bahawa upah tersebut boleh diagih-agihkan kepada orang lain termasuk kepada Baginda SAW (Al-Urami, 2009: 22/225).

### **Al-Fatihah sebagai Pelindung ketika Tidur**

Salah satu daripada kelebihan surah *al-Fatihah* ialah apabila dibaca sebelum tidur bersama dengan surah al-Ikhlas, Allah SWT akan memelihara pembaca daripada sebarang mala petaka kecuali mati. Kelebihan ini berdasarkan hadis berikut (Al-Bazzar, 2009: 7393):

عَنْ أَنَّىٰ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِذَا وَضَعْتَ جَنِبَكَ عَلَى الْفِرَاشِ، وَقَرَأْتَ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَ  
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ" فَقَدْ أَمِنْتَ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِلَّا الْمَوْتَ.

Maksud: Anas RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Apabila engkau berbaring di lambungmu di atas tempat pembarangan, kemudian engkau membaca surah *al-Fatihah* dan surah *al-Ikhlas*, maka sudah pasti engkau akan selamat daripada apa sahaja malapetaka melainkan kematian.”

(Al-Bazzar)

Al-Amir (2011: 2/233) menjelaskan bahawa kedua-dua surah dibaca ketika hendak tidur dan baik dibaca bersama dengan surah al-Kafirun dengan susunan bacaan ialah *al-Fatihah*, *al-Ikhlas*, dan akhir sekali sebelum tidur surah al-kafirun. Al-Amir menambah bahawa hadis ini merupakan huraian kepada hadis lain, iaitu (Al-Kharā'it, 1999: 952):

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أُوْسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِذَا أَخَذَ أَحَدُكُمْ مَضْجَعَهُ فَقَرَأَ سُورَةً مِنْ  
كِتَابِ اللَّهِ، وَكَلَّ اللَّهُ بِهِ مَلَّا يَحْفَظُهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ يُؤْذِيهِ، حَتَّىٰ يَهُبَ مَقَى هَبَّ"

Maksud: Shaddad bin Aus berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Apabila seseorang kamu mengambil tempat pembaringannya (untuk tidur), lalu dia membaca satu surah daripada kitab Allah SWT. Allah SWT mewakilkan seorang malaikat menjaganya daripada sesuatu yang boleh memudaratkannya sehingga malaikat itu ikut ke mana sahaja dia datang.”

(Al-Kharā'it)

Surah dalam hadis ini berdasarkan hadis Al-Bazzar (2009: 7393) ialah surah *al-Fatihah*.

### **TAFSIRAN AYAT**

Tafsiran ayat dimulakan daripada dengan *Basmalah* (*Al-Fatihah*, 1: 1) diikuti dengan ayat yang lain daripada surah ini sehingga akhir surah.

#### **Al-Fatihah (1: 1)**

Ayat pertama daripada surah *al-Fatihah* (1: 1) ini dikenali dengan nama ‘*Basmalah*’, iaitu:



Maksud: Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani (1).

Ayat ini yang terdapat dalam semua surah melainkan surah *al-Bar'a'ah* atau nama lain Surah *al-Tawbah* (9: 129). Namun bagi surah *al-Fatihah*, ayat ini menjadi salah satu daripada ayat tersebut. Sedangkan ayat ini bukan merupakan ayat dalam surah yang lain, tetapi menjadi salah satu pemisah antara surah dengan surah. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 788):

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ لَا يَعْرِفُ فَصْلَ السُّورَةِ حَتَّى تَرَأَّلَ عَلَيْهِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Maksud: *Ibn 'Abbas menyatakan, "Adalah Nabi SAW tidak mengetahui pemisah antara surah sehingga turun Basmalahirrahmanirrahim."*

(Abu Dawud)

Tafsiran kepada Basmalah ini boleh dibahagian kepada tafsiran Basmalah, tafsiran perkataan Allah, serta sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim*.

### ***Tafsiran Basmalah***

Perkataan *Bismillahirrahmanirrahim* atau dipanggil *Basmalah* yang bererti dengan nama Allah ini mempunyai Maksud: “Aku memulai perbuatan ku ini dengan nama Allah” atau “Aku mulakan amalanku ini dengan nama Allah” (Al-Sabuni, 1981).

Sebelum membaca Basmalah sunat membaca *Ta'awwuz* ketika membaca al-Quran dalam atau luar solat ialah membaca *Ta'awuz* (Al-Nawawi, 1996: 80). Hal ini disebabkan perintah Allah SWT dalam firman-Nya:

﴿فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

Maksud: *Oleh itu, apabila engkau membaca al-Quran, maka hendaklah engkau terlebih dahulu) memohon perlindungan kepada Allah dari hasutan Syaitan yang kena rejam.*

(Surah *al-Nahl*, 16: 98)

Berdasarkan ayat ini, para ulama menghukumkan sunat untuk membaca *Ta'awwuz* dan *Basmalah* setiap kali membaca al-Quran di awal surah ketika dalam solat atau di luar solat apatah lagi ketika membaca surah *al-Fatihah*. Namun ketika seseorang memulakan bacaan al-Quran di tengah surah, dia hanya disunatkan membaca *Ta'awwuz* sahaja.

Sunat membaca *Basmalah* bagi semua perbuatan yang baik apatah lagi yang ada dalam syariat Islam. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam banyak hadis. Hal ini sebagaimana tuntutan hadis berikut (Al-Daruqutni, 2004: 397):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ لَا يُنْدَأُ فِيهِ بِذِكْرِ اللَّهِ أَقْطَعُ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Setiap urusan penting yang tidak dimulakan dengan mengingati Allah, maka urusan itu terputus (daripada keberkatan).*

(Al-Daruqutni)

Hadis ini disokong dengan hadis yang lain yang juga menuntut umat Islam membaca sekurang-kurangnya ialah ‘Basmalah’ ketika dalam ibadah khusus atau ibadah umum, atau pekerjaan harian. Contoh suruhan dalam ibadah khusus sebagaimana hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 297):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رضي الله عنه، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ قَالَ: «لَا وُضُوءٌ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ».»

Maksud: *Abu Sa'id* (menceritakan), “Bahawa Nabi SAW bersabda, “Wuduk tidak sempurna bagi sesiapa yang tidak menyebut nama Allah.”

(Ibn Majah)

Hadis ini merupakan dalil kesunatan wuduk dengan membaca *Basmalah* ketika memulakan wuduk, iaitu ketika seseorang membasuh kedua-dua tangan (Jasmi, 2007).

Disunatkan juga membaca *Basmalah* dan doa ketika melakukan ibadah umum seperti ketika ingin bersama dengan isteri. Tuntutan *Basmalah* ketika bersama dengan isteri berserta doa sebagaimana hadis (Al-Bukhari, A. A. M., 2001: 3271):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ قَالَ: «أَمَا إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَتَى أَهْلَهُ، وَقَالَ: بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا، فَرُزِقَّا وَلَدًا لَمْ يَضُرِّهِ الشَّيْطَانُ».»

Maksud: *Ibn Abbas RA* (menceritakan) bahawa Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya sesiapa dalam kalangan kamu yang mendatangi isterinya, lalu dia membaca:

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا

ERTI: Dengan Nama Allah. Ya Allah! Jauhilah kami daripada Syaitan dan jauhilah Syaitan terhadap apa yang Engkau rezekikan kepada kami (berupa anak).

Jikalau diberikan rezeki perbuatan itu dengan anak, maka sudah tentu Syaitan tidak mampu memudaratkannya.”

(Al-Bukhari)

Kesunatan *Basmalah* ketika melakukan amalan harian seperti ketika masuk ke dalam tandas dapat dilihat dalam hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 297):

عَنْ عَلَيِّ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ: «سِئْرُ مَا بَيْنَ الْجِنِّ وَعَوْرَاتِ بَنِي آدَمَ إِذَا دَخَلَ الْكَنِيفَ أَنْ يَقُولَ: بِسْمِ اللَّهِ».»

Maksud: *Ali RA* berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Pelindung antara Jin dan Aurat Bani Adam ketika mereka masuk tandas ialah dengan mengucapkan *Basmalah*.”

(Ibn Majah)

Selain itu, Nabi SAW juga mengajarkan cara merawat dengan memulakan bacaan *Basmalah* berserta doa sebagaimana hadis ini (Al-Bukhari, A. A. M., 2001: 5745):

عَنْ عَائِشَةَ ۖ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ يَقُولُ لِلْمَرِيضِ: «بِسْمِ اللَّهِ، تُرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةٍ بَعْضِنَا، يُشْفَى سَقِيمُنَا، يَأْذِنْ رَبُّنَا».»

Maksud: 'Aishah RA (menceritakan), "Sesungguhnya Nabi SAW membacakan jampi kepada orang yang sakit:

بِسْمِ اللَّهِ، تُرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةٍ بَعْضِنَا، يُشْفَى سَقِيمُنَا، يَأْذِنْ رَبُّنَا

Erti: Dengan nama Allah dan debu tanah kami serta air liur sebahagian daripada kami, jadilah penyembuh penyakit kami dengan izin Tuhan kami."

(Al-Bukhari)

Berdasarkan semua bukti hadis ini menunjukkan bahawa tujuan seseorang memulakan sesuatu amalan atau tindakan dengan sebutan *Basmalah* adalah untuk memastikan pekerjaan yang dilakukan itu mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan pertolongan-Nya. Selain itu, pengamalnya juga terpelihara daripada gangguan jin dan syatian sehingga dia mampu menyelesaikan semua perkerjaan dengan sempurna. Dalam masa yang sama perbuatan ini sebagai lambang pergantungan seorang hamba kepada Tuhannya (Al-Sabuni, 1981).

### *Tafsiran Allah*

Allah SWT merupakan nama yang tertinggi bagi zat-Nya (Jasmi & Tamuri, 2011). Nama Allah ini merupakan salah satu *Ism al-A'zam* kerana menghimpunkan segala sifat-Nya kepada nama ini. Firman-Nya:

وَهُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَمُ الْغَيْبِ وَالشَّهِدَاتِ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٢﴾

Maksud: Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia; Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (22)

(Surah al-Hashr, 59: 24)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT menyuruh para hambanya berdoa dengan menyebut nama Allah SWT mengikut apa yang dipinta. Allah SWT berfirman:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى فَادْعُوهُ بِهَا وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِمْ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٨٠﴾

Maksud: Dan Allah mempunyai nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama itu, dan pulaukanlah orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka kerjakan. (180).

(Surah al-'Arraf, 7: 180)

Sebagai contoh Allah SWT menyuruh menyebut nama-Nya Allah atau *al-Rahman* ketika berdoa kepada Allah SWT. Suruhan tersebut berdasarkan firman-Nya:

قُلْ أَدْعُو اللَّهَ أَوْ أَدْعُو الرَّحْمَنَ أَيَّامًا تَذْعُوفَةً لِأَسْمَاءٍ حُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَأَبْغِ  
بَيْنَ ذَلِكَ سَيِّلًا

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘al-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama yang baik serta mulia”. Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau solatmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu. 110.

(Surah *al-Isra'*, 17: 110)

Nama Allah SWT yang tersebut dalam hadis ada 99. Semua nama ini merupakan gambaran kepada sifat bagi zat Allah SWT. Hadis tersebut menjelaskan (Al-Bukhari, M. I., 2001: 2736; Muslim, t.th.: 2677):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «إِنَّ اللَّهَ تِسْعَةَ وَتِسْعِينَ اسْمًا، مِائَةً إِلَّا وَاحِدًا، مَنْ أَحْصَاهَا  
دَخَلَ الْجَنَّةَ».

Maksud: Abu Hurayrah RA (menceritakan bahawa) Nabi SAW bersabda, “Allah memiliki 99 nama. Sesiapa yang menghafalnya, sudah pasti dia akan masuk syurga.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Kebanyakan ulama seperti Imam al-Shafi‘i, al-Ghazali, dan Imam al-Haramain mengatakan bahawa nama ‘Allah’ merupakan *Ism Jamid* dan bukan *Ism Mushtaq*, iaitu tidak diambil daripada mana-mana perkataan.

Walau bagaimanapun ada ulama yang mengatakan bahawa nama ‘Allah’ ialah *Ism Mushtaq* dengan kata akar *alih-a-ya’la-hu-ilahat* (الْهِيَّالُهُ إِلَهٌ). Oleh itu, Ibn ‘Abbas pernah membaca ayat dengan bunyi seperti ini (وَيَنْزَكُ وَإِلَهُكَ) yang membawa maksud “Dan meninggalkanmu serta apa-apa yang dipuja olehmu? 127. (Surah *al-A’raf*, 7:127).

Ada juga yang berpendapat bahawa ‘Allah’ adalah pecahan daripada *walaha* (وَلَهُ) yang membawa maksud *tahayyara* (تَحْيَرَ), iaitu hilang atau tidak tercapai. Jika pecahan daripada kalimah ini, maka kata akar tersebut sesuai kerana Allah SWT sememangnya tidak boleh dicapai oleh akal manusia dari segi mencapai hakikat sifat-Nya.

Ada juga yang mengatakan bahawa perkataan ‘Allah’ adalah pecahan daripada perkataan alaha (الله) yang membentuk perkataan *alahtu ila fulan* (الْهِيَّ إِلَى فُلَانٍ), yang bererti, “aku tenang dengannya.” Oleh itu, akal manusia tidak akan tenang melainkan apabila seseorang hamba mengingati Allah SWT. Roh manusia hanya akan merasa gembira apabila mengenali-Nya kerana hanya Allah SWT yang bersifat mutlak Berkuasa dan Maha Sempurna. Hal ini sebagaimana pernyataan Allah SWT sendiri:

الْأَيْدِيْكُرُ اللَّهُ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

Maksud: Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.

(Surah *al-Ra‘d*, 13: 28)

Namun bagi Imam Al-Razi (1999) bahawa pilihan pendapat yang paling tepat ialah perkataan Allah SWT adalah *Ism Jamid* dan bukan *Ism Mustaq* berdasarkan pendapat para ulama Nahu seperti Sibawayh, serta ulama usul dan fikah.

### **Tafsiran al-Rahman dan al-Rahim**

*Al-Rahman* dan *al-Rahim* pula dua kalimah yang merupakan Ism Mushtaq atau pecahan daripada perkataan *al-Rahmah* dengan tujuan sebagai makna berlebihan. Sedangkan sifat *al-Rahman* melebihi lagi daripada sifat *al-Rahim*. Dalil *al-Rahman* merupakan Ism Mushtaq berdasarkan hadis Qudsi berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 1907):

قَالَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ ﷺ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: قَالَ اللَّهُ أَنَا اللَّهُ، وَأَنَا الرَّحْمَنُ، خَلَقْتُ الرَّحْمَنَ وَشَقَقْتُ لَهَا مِنْ اسْمِي، فَمَنْ وَصَلَهَا وَصَلْتُهُ، وَمَنْ قَطَعَهَا بَتَّهُ.

Maksud: 'Abd *al-Rahman* (bin 'Awf) berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Allah berfirman, "Aku Allah! Aku *al-Rahman* (pengasih) aku menciptakan *al-Rahm* (silaturrahim). Aku pecahkan *al-Rahm* (silaturrahim) daripada namaku. Oleh itu, sesiapa yang menghubungkan silaturrahim, Allah SWT akan menghubungkan dengan sifat Pengasih-Nya dan sesiapa yang memutuskan silaturrahim, Allah sama sekali memutuskan dengan sifat Pengasih-Nya.

(Al-Tirmidhi)

Hadis ini menurut Imam Al-Qurtubi, M. A. (2003) merupakan bukti kukuh sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* daripada kalimah *al-Rahm*. Namun begitu, orang Arab tidak pernah menggunakan kalimah *al-Rahman* kerana mereka belum mengenal Allah SWT. Bentuk wazan *fa'lan* (فَعَلَانْ) yang terbina perkataan *Rahman* tidak sama dengan wazan *fa'il* (فَعِيلْ) yang membina perkataan *Rahim* (رَحِيمْ), wazan *fa'lan* adalah melambangkan sesuatu perbuatan yang berlebihan daripada biasa. Sebagai contoh *rajul gadban* (رَجُلٌ غَضِيباً) bererti lelaki yang sangat pemarah. Sedangkan wazan *fa'il* (فَعِيلْ) kadangkala hanya bermaksud *Ism Fa'il* (اسم فاعل) atau *Ism Maf'ul* (اسم مفعول) sahaja. Oleh sebab itu, Imam Jarir Al-Tabari (1965) mengatakan *al-Rahman* adalah sifat pengasih Allah SWT yang terangkum kepada semua makhluk-Nya. Sedangkan sifat *al-Rahim* Allah SWT pula hanya untuk orang Mukmin sahaja. Kenyataan ini terbukti daripada firman Allah SWT tentang sifat *al-Rahman*-Nya:

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ أَسْتَوَى

Maksud: (*Allah*) *al-Rahman*, yang bersemayam di atas Arasy. (5)

(Surah Taha, 20: 5)

Allah SWT menggunakan sifat *Rahman* bagi menggambarkan kekuasaan-Nya kepada semua makhluk dengan sifat kasih-Nya. Sedangkan bila Allah SWT berbicara tentang golongan Mukmin, Allah SWT menggunakan sifat *al-Rahim*-Nya sepetimana firman-Nya:

وَكَانَ بِالْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا

Maksud: *Dan adalah Ia sentiasa Melimpah-limpah rahmatnya kepada orang yang beriman (di dunia dan di akhirat).* 43.

(Surah al-Ahzab, 33: 43)

Ayat ini menunjukkan bahawa sifat *Rahim* Allah SWT hanya untuk orang Mukmin.

Nama *al-Rahman* adalah nama Allah SWT yang tidak boleh digunakan untuk selain Allah SWT. Sebab itu Allah SWT hanya menggunakan nama ini bagi merujuk diri-Nya sahaja dan tidak kepada yang lain. Contoh firman Allah SWT dalam Surah *al-Isra'* (17: 110) menyuruh para hamba menggunakan nama Allah dan *al-Rahman* ketika berdoa. Begitu juga dengan ayat ini:

أَجْعَلْنَا مِنْ دُونِ الْرَّحْمَنِ إِلَهًا يُبَدُّوْنَ ﴿٤٥﴾

Maksud: *Pernahkah Kami memberi hukum menetapkan sebarang tuhan untuk disembah, selain dari Allah Yang Maha Pemurah.* 45.

(Surah *al-Zuhruf*, 43: 45)

Dalam ayat ini Allah SWT membahasakan diri-Nya sebagai *al-Rahman* dan dalam al-Quran, Allah SWT tidak pernah menggunakan perkataan *al-Rahman* melainkan untuk diri-nya. Namun begitu, terdapat beberapa nama Allah SWT yang lain yang boleh digunakan kepada selain Allah SWT. Hal ini khususnya jika dalam al-Quran, Allah SWT sendiri yang menggunakan nama tersebut untuk merujuk kepada selain diri-Nya. Sebagai contoh Allah SWT berfirman:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ  
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Maksud: *Sesungguhnya datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang yang beriman.* 128.

(Surah *al-Tawbah*, 9: 128)

Dalam ayat ini, salah satu nama Allah SWT, iaitu rauf dan rahim digunakan bagi menggambarkan sifat Nabi Muhammad SAW.

Ringkasnya ada nama Allah SWT yang boleh digunakan kepada selain Allah SWT dan ada yang hanya digunakan untuk Allah SWT sahaja.

### ***Al-Fatihah* (1: 2)**

Surah *al-Fatihah* (1: 2) adalah menyentuh tentang pujian kepada Allah SWT melalui firman-Nya:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾

Maksud: *Segala puji tertentu bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam* (2).

Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 2) menyatakan bahawa *al-ham dulillah* bermaksud, “*al-ham dulillah* bermaksud, “Kesyukuran buat Allah SWT kerana menciptakan semua makhluk-Nya. Oleh sebab itu, semua makhluk tersebut memuji-Nya dengan mengucapkan kesyukuran dan terima kasih ke atas nikmat yang banyak yang dilimpahkan kepada mereka. Manakala para hamba yang beriman pula mengucapkan kesyukuran ke atas keesaan

Allah SWT selaku Tuhan tidak beranak dan tidak diperanakan serta tidak ada sebarang sekutu bagi-Nya. Manakala perkataan *Rabb al-'alamin* pula bermaksud Tuhan bagi setiap makhluk di muka bumi ini dan Tuhan bagi semua makhluk yang berada di langit yang diberikan roh oleh-Nya. Selain itu, Allah SWT juga merupakan tuhan bagi segala jin dan manusia yang digelar Pencipta para makhluk dan Pemberi rezeki sepanjang tempoh kehidupan mereka.

Kesimpulan daripada perkataan *al-hamdulillahi rabb al-'alamin* (الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) menurut Ibnu Abbas sebagai segala puji bagi Allah SWT yang semua makhluk ini adalah milik-Nya, iaitu langit, bumi, dan yang ada di antara keduanya, baik yang manusia ketahui ataupun yang manusia tidak ketahuinya.

Dalam membahaskan ayat kedua surah *al-Fatihah* (1: 2) ini secara mendalam, maka dua pecahan ayat sewajarnya dibahagikan, iaitu *al-hamdullah* (الْحَمْدُ لِلّٰهِ) dan *Rabb al-'alamin* (رَبِّ الْعَالَمِينَ).

### **Tafsiran al-Hamdulillah**

Menurut Ibn Jarir (2001: 1/135), perkataan *al-hamdulillah* dalam ayat ini merupakan kalimah kesyukuran hamba yang ikhlas untuk Allah SWT semata-mata. Kalimah kesyukuran ini diucapkan oleh seseorang hamba bagi menggambarkan nikmat yang dikecapinya tidak terhingga banyaknya dan kemudahan kehidupan yang terdiri daripada tubuh badan sehingga kepada kemudahan kehidupan yang berada di sekeliling manusia berupa udara yang disedut, minuman yang dimudahkan, makanan yang pelbagai, dan segala makhluk yang lain dijadikan untuk memberi manfaat kepada manusia. Oleh kerana itu, pujian kepada Allah SWT sememangnya layak diberikan untuk-Nya pada semua keadaan dan tempat. Seterusnya, pujian itu pula wajar diperkuuhkan dengan pelaksanaan amalan fardu dan sunat yang diperintahkan oleh-Nya.

Imam al-Tabari menambah bahawa *al-hamdulillah* ialah pujian untuk Allah SWT yang terkandung dalamnya tuntutan buat para hamba supaya mereka memuji-Nya. Seolah-olah terdapat ungkapan suruhan yang menyuruh, “*Bacalah olehmumu al-hamdulillah.*” Boleh juga dikatakan dikatakan bahawa ucapan seseorang yang mengatakan *al-hamdulillah* merupakan pujian yang ditujukan kepada Allah SWT dengan menyebut nama dan sifat-Nya yang terbaik dan sifat-Nya Yang Maha Tinggi. Sedangkan ucapan seseorang “segala kesyukuran bagi Allah” merupakan pujian kerana nikmat dan limpahan rahmat-Nya.

Imam al-Tabari tidak bersetuju terhadap Ja'far al-Sadiq, Ibn 'Ata', dan golongan tasawuf yang menyimpulkan bahawa *al-hamd*, iaitu pujian adalah sama dengan *al-Shukr*, iaitu syukur atau terima kasih. Beliau berhujah dengan pandangan Ibn 'Abbas mengatakan bahawa ucapan *al-hamdulillah* merupakan kalimat yang diucapkan oleh semua orang yang bersyukur. Pendapat inilah yang dikatakan oleh Ibnu Jarir masih perlu dipertimbangkan dengan alasan bahawa dikenal dalam kalangan majoriti ulama terkemudian bahawa ucapan *al-hamdu* adalah pujian dengan ucapan terhadap yang dipuji dengan menyebutkan sifat peribadi diri (صفة لازمة) dan sifat luaran (صفة متغيرة). Sebagai contoh seseorang boleh berkata, “*aku puji sifat pemurah engkau*” dan “*Aku puji terhadap bantuan yang diberikan engkau*” (sifat luaran – tindakannya menolong). Sebaliknya, kalimah *al-Shukr* tidak diucapkan melainkan kerana disebabkan sifat luaran seseorang. Sebagai contoh “*Terima kasih terhadap bantuan yang diberikan engkau.*” Tambahan pula bahawa kalimah terima kasih atau syukur ini boleh dilakukan dalam hati, lidah, dan perbuatan. Sedangkan pujian biasanya dengan lidah sahaja.

Terdapat juga perselisihan dalam kalangan ulama antara kedua-dua kalimah *al-hamd* dan *al-Shukr*, iaitu mana yang lebih umum dan mana yang lebih khusus. Kesimpulan, *al-hamd* dan *al-Shukr* kedua-dua boleh menjadi umum dan khusus jika dilihat daripada sudut yang berbeza. Sekiranya dilihat daripada skop sifat maka *al-hamd* lebih umum kerana mewakili sifat diri dan sifat luaran yang melibatkan hubungan sosial seseorang. Sebaliknya *al-Shukr* menjadi lebih umum daripada *al-hamd* jika dilihat kepada penggunaan kalimah kedua-duanya. Hal ini kerana syukur dan terima kasih boleh dilakukan dalam bentuk hati, lidah, dan perbuatan. Sedangkan *al-hamd* pada kebiasaannya dalam bentuk pujian dengan lidah (Ibn al-Kathir, 1999: 1/128).

Seterusnya, Imam Ibnu Hammad mengatakan, pengertian *al-hamd* merupakan lawan kata dari *al-zamm* (celaan). Seseorang boleh berkata:

حَمَدْتُ الرَّجُلَ أَحْمَدُهُ حَمْدًا وَمُحَمَّدًا

Maksud: *Aku memuji lelaki itu dengan pujian yang setinggi-tingginya).*

Bentuk *fa'il al-hamd* ialah *hamid* (حَمِيدٌ), dan bentuk *maf'ul al-hamd* ialah *mahmud* (مَحْمُودٌ). Seterusnya lafaz *al-tahmid* (الْتَّحْمِيدُ) mempunyai makna lebih kuat daripada *al-hamd*. Manakala *al-hamd* lebih umum pengertiannya daripada *al-Shukr*. *Al-Shukr* pada hakikatnya ialah sanjungan yang ditujukan kepada orang yang berbuat baik sebagai imbalan dari kebaikan yang diberikannya. Sebagai contoh seseorang boleh berkata,

شَكْرُهُ، وَشَكْرُتُ لَهُ

Maksud: *Aku berterima kasih kepadanya.*

Namun lafaz kedua adalah lebih fasih dalam bahasa Arab. Sedangkan makna *al-madah* (المدحُ), iaitu pujian lebih umum daripada *al-hamd*, kerana pengertian *al-madah* dapat ditujukan kepada orang hidup dan mati sebagaimana pujian terhadap orang, makanan dan tempat. Sebagai keterangan tambahan bahawa *al-madah* dapat dilakukan sebelum dan sesudah kebaikan, juga dapat ditujukan kepada sifat yang peribadi diri dan sifat sosial yang baik. Dengan demikian, bererti *al-madah* lebih umum pengertiannya daripada *al-hamd*.

Secara ringkas perkataan *al-hamdulillah* dalam kalangan sahabat dan tabiin adalah seperti berikut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/129):

- (1) Sayidina Ali: Satu kalimah yang diridai oleh Allah untuk diri-Nya.
- (2) Ibn 'Abbas: Kalimah syukur.
- (3) Ibnu Abu Hatim: sama dengan *al-Shukr lillah*, iaitu berterima kasih kepada-Nya dan mengakui segala nikmat-Nya, hidayah-Nya, penciptaan-Nya, dan lain-lainnya.
- (4) Ka'b Al-Ahbar: *Al-hamdulillah* adalah pujian kepada Allah SWT.
- (5) Al-Dahhak: Selendang (sifat) Tuhan Yang Maha Pemurah.

Allah SWT selaku Tuhan yang Maha Perkasa sememangnya layak dipuji dan suka kepada para hamba yang memuji dirinya. Hal ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW dalam satu hadis (Ahmad, H., 2001: 15586):

عَنِ الْأَسْوَدِ بْنِ سَرِيعٍ، قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا أُشِدُّكَ مَحَمِدًا حَمَدْتُ بِهَا رَبِّي، تَبَارَكَ وَتَعَالَى؟ فَقَالَ: "أَمَا إِنَّ رَبَّكَ يُحِبُّ الْحَمْدَ.

Maksud: *Al-Aswad ibn Sari* yang menceritakan, “Aku pernah bertanya, “Wahai Rasulullah! Adakah boleh aku bacakan kepadamu pujian yang biasa aku panjatkan kepada Tuhanmu Yang Maha Suci dan Maha Tinggi?” Nabi SAW menjawab, “Ingalah, sesungguhnya Tuhanmu menyukai *al-hamd* (pujian).”

(Ahmad)

Salah satu adab terbaik sebelum berdoa memohon hajat ialah dengan mengucapkan perkataan *al-hamdulillah*. Hal ini sudah diberitahukan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3383; Ibn Majah, 2009: 3800):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: أَفْضَلُ الدُّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ.

Maksud: Jabir bin 'Abdullah RA berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Sebaik-baik zikir ialah kalimah La Ilaha ill Allah dan sebai-baik doa ialah al-hamdulillah."

(Al-Tirmidhi dan Ibn Majah)

Hadis ini diperkuuhkan lagi dengan hadis yang lain, iaitu (Ibn Majah, 2009: 3805):

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَى عَبْدٍ نِعْمَةً فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ، إِلَّا كَانَ النَّذِيْرَ أَعَظَّى أَفْضَلَ مِمَّا أَخَذَ."  
"O Anas, kata Rasulullah SAW: 'Tidak sekali Allah memberikan suatu nikmat kepada seorang hamba, lalu si hamba mengucapkan, "Al-hamdulillah (Segala puji bagi Allah SWT)," melainkan apa yang diberikan oleh Allah (pahala lebih afdal) daripada apa yang diterimanya.'

Maksud: Anas berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Tidak sekali Allah memberikan suatu nikmat kepada seorang hamba, lalu si hamba mengucapkan, "Al-hamdulillah (Segala puji bagi Allah SWT)," melainkan apa yang diberikan oleh Allah (pahala lebih afdal) daripada apa yang diterimanya."

(Ibn Majah)

Besarnya pahala ucapan *al-hamdulillah* pernah digambarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadis riwayat (Muslim, t.th.: 112):

عَنْ أَبِي مَالِكِ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الظُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ - أَوْ تَمْلَأُ - مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَالصَّلَاةُ نُورٌ، وَالصَّدَقَةُ بُرْهَانٌ وَالصَّبْرُ ضِيَاءُ، وَالْقُرْآنُ حُجَّةٌ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ، كُلُّ النَّاسِ يَغْدُو فَبَایِعُ نَفْسَهُ فَمُعْتَقَهَا أَوْ مُوبِقُهَا»  
"O Abu Malik al-Ash'ari dia berkata, "Suci adalah sebahagian iman, al-hamdulillah memenuhi timbangan, Subhanallah dan al-hamdulillah keduanya memenuhi, atau salah satunya memenuhi apa yang ada antara langit dan bumi, solat adalah cahaya, sedekah adalah pertunjuk, kesabaran adalah sinar, dan al-Quran adalah hujjah untuk amal kebaikanmu dan hujjah atas amal keburukanmu. Setiap manusia adalah berusaha, maka ada orang yang menjual dirinya sehingga dimerdekakannya atau dibinasakannya."

(Muslim)

Al-Mubarafuri (1984: 7/469) menjelaskan maksud memenuhi dacing timbangan ialah pahala ucapan *al-hamdulillah* memenuhi dacing timbangan seseorang.

Apa yang lebih penting menurut Imam Al-Qurtubi, M. (1964: 1/131) bahawa pahala memuji Allah bersifat kekal, sedangkan nikmat yang bersifat keduniaan sudah pasti akan lenyap. Allah SWT berfirman:

۶۱ الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَالْبِقِيرَاتُ الْصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

Maksud: Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan. (46)

(Surah *al-Kahfi*, 18: 46)

Salain itu, alhamdulillah pula jika digabungkan dengan doa yang Rasulullah SAW, membolehkan seseorang yang berdoa mendapatkan pahala yang besar ketika bertemu dengan Allah SWT. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Ibn Majah, 2009: 3801):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ حَدَّثَهُمْ: "أَنَّ عَبْدًا مِنْ عِبَادِ اللَّهِ قَالَ: يَا رَبَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالٍ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ، فَعَضَّلْتُ بِالْمَلَكِينَ، فَلَمْ يَذْرِيَ كَيْفَ يَكْتُبُنَاهَا، فَصَعِدَ إِلَى السَّمَاءِ، وَقَالَا: يَا رَبَّنَا، إِنَّ عَبْدَكَ قَدْ قَالَ مَقَالَةً لَا نَدْرِي كَيْفَ نَكْتُبُهَا، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَا قَالَ عَبْدُهُ: مَاذَا قَالَ عَبْدِي؟ قَالَا: يَا رَبَّ إِنَّهُ قَالَ: يَا رَبَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالٍ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى لَهُمَا: «اَكْتُبَاهَا كَمَا قَالَ عَبْدِي، حَتَّى يَلْقَانِي فَأَجْزِيَهُ بِهَا.»

Maksud: 'Abdullah bin 'Umar RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW berkata kepada mereka, "Bahwa ada seorang hamba Allah berdoa,

يَا رَبَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالٍ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ

ERTI: Wahai Tuhanku. bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu.

Kedua-dua malaikatnya merasa kesulitan kerana tidak mengetahui bagaimana cara untuk mencatat pahalanya, lalu keduanya naik mengadu kepada Allah dan berkata, "Wahai Tuhan kami, sesungguhnya ada seorang hamba mengucapkan suatu kalimat (doa) yang kami tidak mengetahui bagaimana mencatatnya." Allah SWT berfirman sedangkan Dia Maha Mengetahui apa yang diucapkan oleh hamba-Nya itu, "Apakah yang diucapkan oleh hamba-Ku itu?" Keduanya menjawab, "Wahai Tuhan! Sesungguhnya dia mengucapkan:

يَا رَبَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالٍ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ

ERTI: Wahai Tuhanku. bagi Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu.

Lalu Allah berfirman kepada kedua malaikat itu, "Catatlah olehmu berdua seperti apa yang diucapkan oleh hamba-Ku hingga dia bersua dengan-Ku, maka Aku akan membala pahalanya secara langsung."

(Ibn Majah)

Al-Qurtubi, M. (1964: 1/132) membahaskan tentang perselisihan para ulama tentang kalimah mana yang lebih afdal atau utama antara *al-hamdulillah* dengan *lailaha illah*. Sejumlah para ulama mengatakan *al-hamdulillah* lebih afdal kerana dalam kalimah ini terkandung makna mentauhidkan Allah SWT dan memujinya. Manakala sekumpulan ulama lain pula mengatakan *lailaha illah* adalah lebih afdal kerana kalimah ini memisahkan antara iman dan kufur. Selain itu, kerana kalimat ini pula manusia diperanggi hingga mereka mahu mengucapkannya. Mereka juga berhujah dengan hadis berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3585):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شَعْبِيْ، عَنْ أَبِيِّهِ، عَنْ جَدِّهِ ﷺ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالَّتِيُّونَ مِنْ قَبْلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Maksud: 'Amr bin Shu'ayb daripada bapa dan datuknya RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sebaik-baik doa ialah doa hari 'Arafah. Manakala sebaik-baik ucapanku dan para Nabi sebelum aku ialah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

ERTI: "Tidak ada Tuhan selain Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya."

(*Al-Tirmidhi*)

Namun pada hakikatnya kedua-dua kalimah tetap terbaik dalam konteks yang berbeza *lailaha illah* adalah terbaik ketika seorang hamba berzikir kepada Allah SWT. Manakala kalimah *al-hamdulillah* pula menjadi kalimah terbaik sekirang seseorang sedang berdoa kepada Allah SWT. Buktinya boleh dilihat pada hadis yang diriwayakan oleh Imam Al-Tirmidhi, M. I. (1998: 3383):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «أَفْضَلُ الدَّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ»

Maksud: *Jabir bin 'Abdullah RA berkata, "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Zikir yang paling utama ialah, lailahillah (Tidak ada Tuhan selain Allah), dan doa yang paling utama ialah al-hamdulillah (Segala puji bagi Allah.)"*

(*al-Tirmidhi*)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/131) menjelaskan bahawa *Alif* dan *lam* yang terdapat pada perkataan *Hamd* membawa maksud mencakupi segala bentuk pujian yang ada di dunia yang hanya menjadi milik Allah SWT. Pujuan milik Allah SWT yang tercakup tersebut terkandung dalam sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Huzayfah bin Yaman (Ahmad, H., 2001: 23355):

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ كُلُّهُ، وَلَكَ الْمُلْكُ كُلُّهُ، بِيَدِكَ الْخَيْرُ كُلُّهُ، إِلَيْكَ يُرْجَعُ الْأَمْرُ كُلُّهُ

Maksud: *Ya Allah! Hanya milik-Mu segala kepujian. Hanya milikmu segala kerajaan. Di tangan kekuasaan-Mu semua kebaikan. Hanya kepada Engkau kembali semua urusan.*

(*Ahmad*)

Ringkasnya, ucapan *al-hamdulillah* merupakan ucapan yang paling sempurna buat seorang hamba kepada Allah SWT kerana dalam kalimah ini terdapat kalimah pujian, syukur, dan mentauhidkan Allah SWT. Di samping itu, kalimah ini memberikan ganjaran yang sangat besar kepada pengucapnya.

### *Tafsiran Tuhan Semesta Alam*

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/131) membahaskan tentang kalimah *Rabb al-'alamin* (رب العالمين) dengan memecahkan kepada *Rabb* dan *al-'alamin*.

*Rabb* menurut beliau membawa erti "Pemilik yang berhak mentadbir dan mengurus". *Rabb* menurut istilah bahasa diucapkan dengan membawa erti "tuan", iaitu pengurus yang mengurus dengan penuh keteraturan dan kesempurnaan. Pengertian tersebut sememangnya amat sesuai untuk dikaitkan dengan diri Allah SWT. Perlu diketahui bahawa lafadz *al-Rabb* tidak boleh digunakan melainkan untuk Allah SWT kecuali jika *rabb* itu disandarkan dengan lain kalimat seperti *Rabb al-Dar* (pemilik rumah).

Huraian terakhir daripada ayat ini ialah perkataan *al-'alamin*. Ibn al-Kathir (1999: 1/131) menjelaskan perkataan ini adalah berbentuk jamak dari *al-'alam* (الْعَالَمُ) yang membawa erti: semua yang ada selain Allah SWT. Lafaz *al-'alam* sendiri adalah berbentuk jamak yang tidak ada lafadz berbentuk tunggal daripada lafadz aslinya. Sedangkan lafadz *al-'awalim* (الْعَوَالِمُ) yang ertiannya "berbagai macam makhluk yang berada di langit, daratan, lautan, dan setiap generasi dari semua jenis makhluk tersebut dinamakan alam pula."

Sayidina Ibnu Abbas berkata bahawa yang dimaksud dengan *Rabb al-'alamin* juga ialah Tuhan bagi jin dan manusia. Hujah beliau berdasarkan dalil firman Allah SWT yang mengatakan:

لِيَكُونَ لِلْعَالَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

Maksud: Untuk menjadi peringatan dan amaran bagi seluruh penduduk alam. (1)

(Surah al-Furqan, 25: 1)

Makna yang dimaksud dengan *seluruh alam* ialah makhluk jin dan manusia (Al-Qurtubi, M., 1964: 1/138).

Al-Farra dan Abu Ubaid mengatakan, yang dimaksud dengan *al-'alam* adalah ditujukan kepada makhluk yang berakal dalam kalangan manusia, jin, malaikat, dan syaitan. Berdasarkan pandangan ini, semua jenis binatang tidak dapat dikatakan 'alam'. Namun bagi Zaid ibnu Aslam dan Abu Muhaisin bahawa alam membawa maksud setiap makhluk bernyawa yang berkembang biak. Sementara Qatadah mengatakan bahawa *al-'alam* adalah setiap jenis alam. Sedangkan al-Zujaj mengatakan bahawa *al-'alam* ialah semua yang diciptakan oleh Allah SWT di dunia dan akhirat. (Ibn al-Kathir, 1999: 1/131).

Terdapat perbincangan jumlah alam atau makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT dalam kalangan para ulama sebagaimana berikut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/131; Al-Bughawi, 1997: 1/74):

- (1) Al-Hafiz ibn Asakir: Allah SWT menciptakan 17000 alam, penduduk langit dan penduduk bumi digolongkan satu alam, sedangkan yang lainnya tiada seorang pun yang mengetahuinya kecuali hanya Allah SWT.
- (2) Abu al-'Aliyah: Manusia merupakan alam, dan jin adalah alam, sedangkan selainnya terdiri atas 18000 atau 14000, alam malaikat yang ada di atas bumi. Sedang Bumi itu sendiri mempunyai empat penjuru, pada tiap-tiap penjuru terdapat 3500 alam yang diciptakan oleh Allah SWT untuk beribadah kepada-Nya.
- (3) Wahab ibnu Munabbih: Allah menciptakan 18000 alam, dunia ini merupakan salah satunya.
- (4) Muqatil: Alam itu seluruhnya ada 80000.
- (5) Ka'ab al-Ahbar: Tiada seorang pun yang mengetahui bilangan alam kecuali hanya Allah SWT.
- (6) Abu Sa'id Al-Khudri yang mengatakan bahawa sesungguhnya Allah menciptakan 40000 alam, sedangkan dunia ini dari timur hingga barat merupakan salah satu darinya.
- (7) Subai', Sa'id ibnul Musayyab, dan Abu Ya'la: *Al-'alamin* terdiri atas seribu umat dengan enam ratus berada di dalam laut, sedangkan empat ratus berada di darat.

Pendapat Subai', Sa'id ibn al-Musayyab dan Abu Ya'la (Yu'la) ini berdasarkan athar sahabat, iaitu 'Umar ibn al-Khattab ketika era permerintahan-nya (Ibn Kathir, 2009: 2/519):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَلَ الْجُرَادُ فِي سَنَةٍ مِنْ سِنِيْ عُمَرَ الَّتِي وَلِيَ فِيهَا فَسَأَلَ عَنْهُ، فَلَمْ يُخْبِرْ بِشَيْءٍ، فَاعْتَمَدَ لِذَلِيلَ، فَأَرْسَلَ رَاكِبًا يَضْرِبُ إِلَى الْيَمَنِ، وَآخَرَ إِلَى الشَّامِ، وَآخَرَ إِلَى الْعَرَاقِ، يَسْأَلُ: هَلْ رُؤْيٌ مِنَ الْجُرَادِ شَيْءٌ أَمْ لَا؟ قَالَ: فَأَتَاهُ الرَّاكِبُ الَّذِي مِنْ قِبَلِ الْيَمَنِ بِقَبْضَةٍ مِنْ جَرَادٍ، فَأَلْقَاهَا بَيْنَ يَدَيْهِ، فَلَمَّا رَأَاهَا كَبَرَ، ثُمَّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: "خَلَقَ اللَّهُ الْفَأْمَةَ، سِتُّمِائَةً فِي الْبَحْرِ وَأَرْبَعُمِائَةً فِي الْبَرِّ، فَأَوْلُ شَيْءٍ يَهْلِكُ مِنْ هَذِهِ الْأُمَمِ الْجُرَادُ، فَإِذَا هَلَكَ تَتَابَعْتُ مِثْلَ النَّظَامِ إِذَا قُطِعَ سِلْكُهُ."

Maksud: Jabir ibnu Abdullah yang berkata, "Pada suatu tahun dari masa pemerintahan Khalifah Umar, belalang berkurang jumlahnya. Lalu ia bertanya-tanya mengenai hal itu, tetapi tidak ada seorang pun yang menjawabnya, maka hal itu membuatnya tidak puas hati. Lalu ia mengirimkan seorang utusan berkuda untuk pergi ke negeri Yaman, seorang lagi menuju ke negeri Syam, dan yang seorang lagi menuju ke negeri Iraq untuk menanyakan apakah ada belalang atau tidak di tempat tujuan masing-masing. Kemudian datang kepadanya utasan dari Yaman membawa segenggam belalang, lalu utusan itu meletakkannya di hadapan Umar. Ketika Umar melihatnya, maka ia bertakbir, kemudian berkata, "Aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Allah menciptakan seribu umat, enam ratus umat berada di laut dan yang empat ratus umat berada di

*daratan. Mula-mula umat yang binasa dari kesemuanya itu adalah belalang; apabila belalang musnah, maka mengikutinya secara secara bersusun makhluk yang lain sebagaimana sebuah kalung rantai yang terputus talinya."*

(Ibn Kathir)

Imam Al-Qurtubi, M. (1964: 1/139) mengatakan bahawa pandangan al-Zujaj mengatakan bahawa al-alam ialah semua yang diciptakan oleh Allah SWT di dunia dan akhirat merupakan pendapat yang paling sahih. Beliau turut berhujah dengan membawakan dalil al-Quran daripada firman Allah SWT:

قالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ قَالَ رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنْ كُنْتُمْ مُّوقِنِينَ

Maksud: *Fir'aun bertanya, "Siapa Tuhan kedua alam itu?" Musa menjawab, "Tuhan pencipta langit dan bumi dan apa yang ada di antara keduanya (itulah Tuhanmu), jika kamu sekalian (orang) mempercayai-Nya."*

(Surah *al-Shu'ara'*, 26: 23-24)

Sebagai rumusan, Ibn al-Kathir (1999: 1/133) mengatakan bahawa perkataan *al-'alam* adalah pecahan daripada perkataan *al-'alamah* (العلامة), iaitu yang bererti tanda atau pertunjuk. Menurut beliau, tanda atau pertunjuk adalah sesuai untuk dikaitkan dengan perkataan alam kerana alam ini adalah tanda dan pertunjuk bahawa adanya Penciptanya, hasil karya-Nya dan keesaan-Nya.

### ***Al-Fatihah (1: 3)***

Allah SWT meneruskan firman-Nya dalam surah *al-Fatihah* (1: 3) dengan mengukuhkan lagi firman-Nya dalam ayat pertama tentang sifatnya yang Pengasih dan Penyayang. Firman-Nya:

الْرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Maksud: *Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. (3)*

Firman Allah SWT ini sudah dibincangkan keterangannya dalam ayat pertama dalam surah *al-Fatihah* (1: 1), iaitu pada tajuk Basmalah. Keterangan dalam bahagian tersebut sudah memadai dalam menghuraikan sifat *al-Rahman* Allah SWT dan sifat *al-Rahim*-Nya dan tidak perlu diulangi lagi.

Namun bagi Imam Al-Qurtubi, M. A. (2003: 1/139) mengatakan, sesungguhnya Allah SWT menyifati diri-Nya dengan *al-Rahman* dan *al-Rahim* sesudah firman-Nya, *Rabb al-'alamin* adalah bertujuan untuk galakan bagi mengimbangi ancaman terhadap alam yang terkandung *Rabb al-'alamin*. Hal ini sebagaimana pengertian yang terkandung dalam firman-Nya:

نَبِيٌّ عَبَادِيٌّ أَنِّي أَنَا الْغَفُورُ الرَّجِيمُ ﴿٤٩﴾ وَأَنَّ عَذَابِي هُوَ الْعَذَابُ الْأَلِيمُ

Maksud: *Khabarkanlah kepada hambaKu (wahai Muhammad), bahawa Akulah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani (bagi mereka yang bertaubat dan beramal soleh). (49) Dan bahawa azab-Ku, ialah azab yang tidak terperi sakitnya, (bagi mereka yang tetap dalam kederhakaannya). (50)*

(Surah *al-Hijr*, 15: 49-50)

Juga dalam firman Allah SWT yang lainnya, iaitu:

إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ  
165

Maksud: Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya, dan sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah *al-An'am*, 6: 165)

Ayat ini sama kedudukan dengan surah Fatihah, iaitu lafaz *Rabb* terkandung makna tarhib, sedangkan *al-Rahman al-Rahim* pula sama kedudukan dengan Ghafur dan Rahim dalam ayat ini, iaitu mengandungi makna targib. Hal ini yang dikatakan pengimbang dua ayat. Beginilah caranya Allah SWT mendidik para hambanya untuk sentiasa memiliki sifat takut dan harap kepada-Nya supaya para hamba-Nya sentiasa tidak berputus asa untuk kembali kepada-Nya pada saat mereka terjauh. Justeru, Rasulullah SAW sendiri pernah menjelaskan dalam hadisnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّدَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَوْ يَعْلَمُ الْمُؤْمِنُ مَا عِنْدَ اللَّهِ مِنَ الْعُقُوبَةِ، مَا طَمِعَ بِجَنَّتِهِ أَحَدٌ، وَلَوْ يَعْلَمُ الْكَافِرُ مَا عِنْدَ اللَّهِ مِنَ الرَّحْمَةِ، مَا قَنَطَ مِنْ جَنَّتِهِ أَحَدٌ»

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Seandainya orang yang Mukmin mengetahui apa yang ada di sisi Allah berupa siksaan, nescaya tiada seorang pun yang tamak menginginkan surga-Nya. Seandainya orang kafir mengetahui apa yang ada di sisi Allah berupa rahmat, nescaya tiada seorang pun yang berputus asa dari rahmat-Nya.

(Muslim)

Justeru, sifat Pengasih dan Penyayang Allah SWT melebihi daripada keinginannya untuk menyeksa hambanya. Namun, hambanya yang tidak beriman yang disiksa adalah disebabkan kegagalan mereka sendiri untuk mengenali sifat Penyayang Allah SWT dengan beriman dengan-Nya.

#### ***Al-Fatiha (1: 4)***

Ayat seterusnya dalam surah *al-Fatiha* (1: 4) ialah yang menyentuh tentang pujian buat Allah SWT yang merupakan pemilik hari kiamat. Firman-Nya:

مَالِكٌ يَوْمَ الْدِينِ

Maksud: Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat) (4).

Ibn ‘Abbas (t.th.: 2) dalam menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa perkataan “Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat)” bermaksud bahawa Allah SWT menjadi qadi atau hakim pada hari pembalasan, iaitu hari penghisaban amal dan seterusnya pemutusan pembalasan terhadap semua makhluk. Pada hari ini tidak hakim yang lain kecuali Allah SWT sahaja.

Dalam membahaskan ayat *al-Fatiha* (1: 4) ini perbincangan tafsiran boleh dibahagikan kepada tafsiran Malik dan yawm al-Din.

#### ***Tafsiran Malik***

Lafaz *malik* (ملك) diambil dari kata *al-mulk* (الملك) sebagaimana firman Allah SWT:

لِمَنِ الْمُلْكُ الْيَوْمَ ﴿٤﴾

Maksud: Siapakah yang menguasai kerajaan pada hari ini?

(Surah Ghafir, 40: 16)

Selain dalil ini, terdapat juga dalam dalil yang lain:

الْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ الْحُقُّ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى الْكُفَّارِ عَسِيرًا ﴿٢٦﴾

Maksud: Kuasa pemerintahan yang sebenar-benarnya pada hari itu adalah tertentu bagi Allah Yang Maha melimpah rahmat-Nya, dan adalah ia satu masa yang amat sukar keadaannya kepada orang kafir. (26)

(Surah al-Furqan, 25: 26)

Menurut Ibn al-Kathir (1999: 1/134) bahawa pengkhususan sebutan *al-mulku* (المُلْكُ) dengan *yawmi al-din* (يَوْمُ الدِّينِ) tidak bertentangan dengan makna lainnya. Pada pembahasan sebelum ini, sudah diterangkan bahawa Allah SWT adalah Tuhan semesta alam, yang pengertiannya umum alam tersebut tercakup dengan kehidupan di dunia dan akhirat. Disandarkan kedua-dua lafadz kerana tiada seorang pun pada hari itu yang mampu mendakwa, dan tiada seorang pun yang dapat mengangkat kepala untuk bersuara kecuali dengan izin Allah SWT, sebagaimana dinyatakan dalam firman-Nya:

يَوْمَ يَقُومُ الْرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفَّا لَا يَتَكَبَّرُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾

Maksud: Pada hari ketika roh dan malaikat berdiri bersaf-saf, mereka tidak berkata-kata. kecuali siapa yang diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah; dan ia mengucapkan kata yang benar.

(Surah al-Naba', 78: 38)

Begitu juga dengan firman-Nya:

وَخَشَعَتِ الْأَصْوَاتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ فَلَا تَسْمَعُ إِلَّا هَمَسَا ﴿١٠٨﴾

Maksud: Dan diam khusuklah segala suara kepada Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya sehingga engkau tidak mendengar melainkan bunyi yang amat perlakan. (108)

(Surah Taha, 20: 108)

Dalil ini juga didokong dengan dalil yang lain. Firman-Nya:

يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكُونُ نَفْسٌ إِلَّا بِإِذْنِهِ فَمَنْهُمْ شَقِّيٌّ وَسَعِيدٌ ﴿١٠٥﴾

Maksud: (Pada) masa datangnya (hari kiamat itu), tiadalah seorangpun dapat berkata-kata (untuk membela dirinya atau memohon pertolongan) melainkan dengan izin Allah. Maka antara mereka ada yang celaka, dan ada pula yang berbahagia. (105)

(Surah Hud, 11: 105)

Ibn al-Kathir (1999: 1/134) menyatakan pandangan Ibn 'Abbas yang menjelaskan bahawa *maliki yawm al-din* membawa maksud bahawa tiada seorang pun bersama Allah SWT yang memiliki kekuasaan penuh pemerintahan pada ketika itu sekalipun pada masa itu terdapat raja semasa di dunia dalam kalangan manusia yang sudah dihidupkan semula pada hari pembalasan tersebut. Ibn Abbas menambah bahawa *yawm al-din* ialah hari penghisab atau perbicaraan untuk semua makhluk, iaitu salah satu proses perjalanan pada hari kiamat. Allah SWT membalaas mereka sesuai dengan amal perbuatannya masing-masing ketika di dunia. Jika amal perbuatan mereka baik, mereka akan mendapat balasan yang baik. Sebaliknya jika jika amal perbuatan mereka buruk, mereka akan mendapat pembalasan yang buruk, kecuali mereka yang mendapat keampunan daripada Allah SWT. Kenyataan ini adalah sepakat dalam kalangan sahabat, tabiin, dan ulama salaf.

Imam Ibn Jarir (2001) meriwayatkan dari sebahagian mereka bahawa tafsir dari firman Allah SWT *Maliki yawm al-din* ialah Allah Maha Kuasa untuk mengadakannya. Tetapi Ibnu Jarir sendiri menilai pendapat ini adalah daif dan lemah. Sekalipun begitu, beliau tetap berpendapat bahawa tidak ada pententangan pendapat ini dengan pendapat ahli tafsir yang lain. Masing-masing berpendapat demikian dan yang sebelumnya mengakui kebenaran pendapat lainnya serta tidak mengingkari kebenarannya, hanya saja konteks ayat lebih sesuai bila diertikan dengan makna pertama sebelum ini dibandingkan dengan pendapat ini. Pendapat Ibn 'Abbas yang lalu sebenarnya bersandarkan dalil firman Allah SWT:

الْمُلْكُ يَوْمٌ لِّلرَّحْمَنِ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى الْكُفَّارِ عَسِيرًا ﴿٦﴾

Maksud: *Kuasa pemerintahan yang sebenar-benarnya pada hari itu adalah tertentu bagi Allah Yang Maha melimpah rahmat-Nya, dan adalah ia satu masa yang amat sukar keadaannya kepada orang kafir.* (26)

(Surah al-Furqan, 25: 26)

Sedangkan pendapat kedua pengertian mereka pula mirip dengan makna yang terkandung dalam firman-Nya:

وَيَوْمَ يَقُولُ كُنْ فَيَكُونُ

Maksud: *Dan (Dia lah juga) pada masa (hendak menjadikan sesuatu) berfirman: "Jadilah", lalu terjadilah ia.*

(Surah al-An'am, 6: 73)

Pada hakikatnya raja yang sebenar-benar raja ialah Allah SWT, seperti yang dinyatakan dalam firman-Nya:

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ الْقُدُّوسُ السَّلَمُ

Maksud: *Dia lah Allah, yang tidak ada Tuhan melainkan Dia Dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan).*

(Surah al-Hasyr, 59: 23)

Oleh kerana itu, menurut Imam Al-Nawawi (1998), makruh meletakkan nama anak atau menggelarkan diri sendiri dengan nama Malik al-Muluk dengan perkataan jamak Malik al-Amlak atau Shahanshah. Beliau menghukumkan demikian dengan mengambil dalil hadis Nabis SAW berikut (Al-Bukhari, M. I., 2001: 6205, 6206; Muslim, t.th.: 2143):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: «إِنَّ أَخْنَعَ اسْمٍ عِنْدَ اللَّهِ رَجُلٌ تَسَمَّى مَلِكَ الْأَمْلَاكِ» زَادَ أَبْنُ أَبِي شِيبَةَ فِي رِوَايَتِهِ «لَا مَالِكَ إِلَّا اللَّهُ» قَالَ الْأَشْعَعِيُّ: قَالَ سُفْيَانُ: «مِثْلُ شَاهَانْ شَاهٌ»، وَقَالَ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ، سَأَلَتْ أَبَا عَمْرٍو عَنْ أَخْنَعَ؟ فَقَالَ: «أَوْضَعَ»

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya nama yang paling rendah di sisi Allah ialah seorang yang menamakan dirinya dengan panggilan Malik al-Amlak. Ibn Abi Shaybah RA dalam riwayatnya menambah: "Sedangkan tiada raja selain Allah." Al-Ash'hi, "Sufyan menambah, "Seperti Shahanshah." Sedangkan Imam Ahmad Hambal berkata, "Aku bertanya kepada Abu 'Amr tentang apa makna Akhna'a (أخناع) ? Abu 'Amar menjawab, "Awda'a [erti: membinasakan]"

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hakikat sebenar alam ini pada asalnya semua tidak wujud sama sekali. Hanya Allah SWT yang Maha Berkuaasa bersendirian dalam kerajaan-Nya. Lalu Dia menciptakan satu persatu alam ini dengan meletakkan tempoh akan dibinasakan semula bagi melambangkan bahawa kekuasaan-Nya merupakan kekuasaan seorang raja yang berkuasa mutlak tanpa sesiapapun mampu untuk mencabar-Nya. Ketika semua alam ini dibinasakan semula, Allah SWT bertanya kepada alam yang sudah binasa sebagaimana yang digambarkan oleh Nabi SAW dalam hadis-Nya (Muslim, t.th.: 2788):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "يَظْوِي اللَّهُ السَّمَاوَاتِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، ثُمَّ يَأْخُذُهُنَّ بِيَدِهِ الْيُمْنَى، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا الْمَلِكُ، أَيْنَ الْجَبَارُونَ؟ أَيْنَ الْمُتَكَبِّرُونَ. ثُمَّ يَظْوِي الْأَرَضَيْنِ بِشِمَائِلِهِ، ثُمَّ يَقُولُ: أَنَا الْمَلِكُ أَيْنَ الْجَبَارُونَ؟ أَيْنَ الْمُتَكَبِّرُونَ؟"

Maksud: 'Abdullah ibn 'Umar RA berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Allah melipat langit pada Hari Kiamat. Kemudian dia memegangnya dengan tangan kanan dan berfirman: "Akulah Raja di manakah para raja yang diktator? Di manakah para raja yang angkuh. Kemudian Allah SWT menggenggam bumi dengan tangan kirinya lalu berfirman, "Akulah Raja. Di manakah para raja yang diktator? Di manakah para raja yang angkuh.

(Muslim)

Hadis ini juga diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, M. I. (2001: 7382) dengan perawi sahabat daripada Abu Hurayrah dengan matan yang berbeza, tetapi sama makna. Hadis ini pada hakikatnya menggambarkan kata-kata Allah SWT ketika semua alam ini sudah dibinasakan dalam firman-Nya:

لِمَنِ الْمُلْكُ الْيَوْمَ لِلَّهِ الْوَحِيدِ الْقَهَّارِ  
16

Maksud: (Pada saat itu Allah berfirman): "Siapakah yang menguasai kerajaan pada hari ini? (Allah sendiri menjawab): "Dikuasai oleh Allah Yang Maha Esa, lagi Yang Mengatasi kekuasaanNya segala-galanya! (16)

(Surah al-An'am, 6: 73)

Namun Allah SWT menggunakan perkataan *malik* (raja) dalam banyak firman-Nya adalah merupakan penggunaan yang bersifat majaz sahaja bukan nama dalam erti yang sebenarnya. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT ini:

إِنَّ اللَّهَ قَدْ بَعَثَ لَكُمْ طَالُوتَ مَلِكًا

Maksud: Bahwasanya Allah melantik Talut menjadi raja bagi kamu.

(Surah *al-Baqarah*, 2: 247)

Juga firman-Nya:

وَكَانَ وَرَآءَ هُمْ مَلِكٌ

Maksud: Kerana di belakang mereka nanti ada seorang raja

(Surah *al-Kahfi*, 18: 79)

Juga firman Allah SWT dalam ayat ini:

إِذْ جَعَلَ فِي كُلِّ أَبْيَاءَ وَجَعَلَ كُمْ مُلُوكًا

Maksud: Ia menjadikan dalam kalangan kamu beberapa orang Nabi, dan Ia menjadikan kamu bebas merdeka (setelah kamu diperhamba oleh Firaun dan orangnya)

(Surah *al-Maidah*, 5: 20)

Penggunaan kata raja dengan wajah majaz dan tasbih ini pernah di gambarkan dalam sabdaan Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh sahabat Anas RA (Al-Bukhari, M. I., 2001: 2788, 2877, 6282, 7002; Muslim, t.th.: 1912):

نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي عَرِضُوا عَلَيَّ، غُرَّاءً فِي سَبِيلِ اللَّهِ، يَرْكُبُونَ شَيْجَ هَذَا الْبَحْرِ، مُلُوكًا عَلَى الْأَسْرَةِ، أَوْ «مِثْلَ الْمُلُوكِ عَلَى الْأَسْرَةِ»

Maksud: Sebahagian umatku diperlhatkan kepadaku dalam keadaan berperang di jalan Allah, mereka mengarungi permukaan laut sebagai raja di atas singgahsana atau sebagai raja di atas singgahsana.

(*Al-Bukhari* dan *Muslim*)

Sebagai kesimpulan bahawa Malik dalam perbincangan merujuk kepada Allah SWT, iaitu bukan sahaja sebagai raja, tetapi juga sebagai pemilik kepada hari penghisapan dan pembalasan.

### *Tafsiran al-Din*


*Al-Din* dalam ayat *al-Fatihah* (1: 4) ini bererti pembalasan dan penghisapan. Kedua-dua makna boleh terkandung dalam perkataan ini kerana seseorang tidak akan menerima balasan selagi tidak dihisab. Sebagaimana yang disebut dalam firman lainnya, iaitu:

يَوْمَ يُدِيزُ وَقِيهِمُ اللَّهُ دِينُهُمُ الْحَقُّ

Maksud: Di hari itu Allah akan memberi mereka balasan yang setimpal menurut semestinya.

(Surah *al-Nur*, 24: 25)

Serta firman Allah SWT ini:



Maksud: Adakah kita akan (dihidupkan semula serta) dibalas apa yang kita lakukan? (53)

(Surah *al-Shaffat*, 37: 53)

*Al-din* dalam kedua-dua ayat membawa maksud dihisab dan mendapat balasan yang setimpal. Perkataan *dana* (دان) yang membawa maksud hisab dan perhitungan juga ada digunakan dalam sebuah hadis (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2459, ; Ibn Majah, 2009: 4260):

عَنْ أَيِّ يَعْلَمْ شَدَّادٍ بْنِ أَوْسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «الْكَيْسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ، وَعَمِيلٌ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ، وَالْعَاجِزُ، مَنْ أَتَبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا، ثُمَّ تَمَّتَ عَلَى اللَّهِ».»

Maksud: Abu Ya 'la Shaddad bin Aus RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Orang yang bijak ialah orang yang melakukan perhitungan terhadap dirinya sendiri dan beramal untuk bekal sesudah mati. Manakala orang yang lemah ialah orang yang mengikut hawa nafsunya. Disamping itu, ia mengharapkan berbagai angan-angan kepada Allah.

(*Al-Tirmidhi* dan *Ibn Majah*)

Imam Al-Tirmidhi, M. I. (1998: 2459) menjelaskan bahawa *dana nafsahu* (دان نفسه) membawa maksud "dia merefleksi dirinya di dunia sebelum dihisab pada hari kiamat." Hal yang sama juga apa yang dinasihatkan dalam *athar* oleh Sayidina 'Umar bin al-Khattab dengan nasihat beliau (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2459):

حَاسِبُوا أَنفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسِبُوهُ، وَتَزَيَّنُوا لِلْعَرْضِ الْأَكْبَرِ، وَإِنَّمَا يَخْفُ الْحِسَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى مَنْ حَاسَبَ نَفْسَهُ فِي الدُّنْيَا.

Maksud: *Hisablah dirimu sendiri sebelum dirimu dihisab. perbaguskanlah (amalmu) untuk menghadapi hari perhitungan yang amat dahsyat, sesungguhnya perhitungan pada hari kiamat akan terasa ringan hanya bagi orang yang selalu menghitung diri mereka ketika di dunia.*

(*Al-Tirmidhi*)

Athar daripada Maymun bin Mihran juga ada menasihatkan dengan kata-kata beliau (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2459):

لَا يَكُونُ الْعَبْدُ تَقِيًّا حَتَّى يُحَاسِبَ نَفْسَهُ كَمَا يُحَاسِبُ شَرِيكَهُ مِنْ أَيْنَ مَطْعَمُهُ وَمَلْبَسُهُ.

Maksud: *Tidaklah seorang hamba disebut bertakwa sehingga dia menghisab dirinya sebagaimana dia menghisab syarikat perniagaannya, iaitu daripada mana makanan dan pakaianya.*

(*Al-Tirmidhi*)

Kenyataan hadis dan *athar* sahabat ini setara maknanya dengan apa yang dikemukakan oleh Allah SWT dalam Firman-Nya:

يَوْمَ إِذْ تُعَرَّضُونَ لَا تَخْفَى مِنْكُمْ خَافِيَةٌ  
١٨

Maksud: *Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara kamu yang tersembunyi.* (18)

(Surah *al-Haqqah*, 69: 18)

Sebagai kesimpulan *al-din* dalam surah *al-Fatihah* (1: 4) adalah merujuk kepada hari penghisaban amal di alam akhirat sehinggalah pemutusan terhadap perhitungan tersebut untuk dibalas segala yang sudah dihitungkan oleh Allah SWT.

### ***Al-Fatihah (1: 5)***

Ayat ke lima daripada surah *al-Fatihah* ini (1: 5) merujuk kepada suruhan Allah SWT untuk para hamba-Nya berikrar bahawa Allah SWT sahaja Tuhan yang disembah dan Tuhan untuk para hamba memohon pertolongan. Firman Allah SWT:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksud: *Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.* (5).

Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 2) maksud ayat *Iyyaka na’budu* (إِيَّاكَ نَعْبُدُ) ini dengan maksud, “Hanya kepada-Mu kami bertawhid dan hanya kepada-Mu kami taat.” Sedangkan *iyyaka nasta’in* (وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ) pula membawa maksud, “Hanya kepada-Mu kami mohonkan pertolongan agar selalu dapat menyembah-Mu dan hanya kepada-Mu kami teguhkan keyakinan untuk selalu taat kepada-Mu.”

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/134) mengatakan *al-ibadah* yang bererti ibadah menurut istilah bahasa Arab berasal dari makna *al-zillah*, iaitu tunduk dengan rasa rendah diri. Sedangkan menurut istilah syarak, iaitu suatu ungkapan yang menunjukkan suatu sikap yang terhasil daripada himpunan kesempurnaan rasa cinta, tunduk, serta takut. Pradiket, iaitu lafaz *Iyyaka* didahulukan dan diulangi untuk menunjukkan makna perhatian dan pembatasan. Dengan kata lain, lafaz *Iyyak* itu membawa maksud, “Kami tidak menyembah kecuali hanya kepada-Mu dan kami tidak bertawakal kecuali hanya kepada-Mu.” Pengertian ini merupakan lambang kesempurnaan dari ketaatan seseorang hamba. Agama Islam secara keseluruhan berpusat daripada kedua-dua makna ini. Hal ini demikian sebagaimana yang selalu diperkatakan oleh sebahagian ulama Salaf, bahawa surat *al-Fatihah* (1: 1-7) merupakan rahsia al-Quran. Sedangkan rahsia surat *al-Fatihah* terletak pada kedua kalimat ini, iaitu *Iyyaka na’budu wa iyyaka nasta’in*.

Lafaz *Iyyaka na’budu* menunjukkan makna bahawa seseorang berlepas diri dari segala kesyirikan, sedangkan lafaz *iyyaka nasta’in* menunjukkan makna seseorang berlepas diri dari rasa upaya dan kekuatan serta berserah diri kepada Allah SWT sepenuhnya. Pengertian ini selain dalam surat *al-Fatihah* terdapat juga makna yang serupa dalam firman-Nya:

فَاعْبُدُهُ وَتَوَكَّلْ عَلَيْهِ وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿١٢٣﴾

Maksud: Oleh itu, sembahlah akan Dia serta berserahlah kepada-Nya. Dan (ingatlah), Tuhanmu tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. (123)

(Surah Hud, 11: 123)

Begitu juga terdapat dalam firman Allah SWT ini:

قُلْ هُوَ اللَّهُ الرَّحْمَنُ بِئْ امَنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا ﴿٦٧﴾

Maksud: Tegaskan (wahai Muhammad, kepada mereka): "Allah Dia lah Yang Maha Pemurah, yang kami beriman kepadaNya, dan yang kepada-Nya kami berserah diri.

(Surah al-Mulk, 67: 29)

Makna yang sama juga boleh dilihat pada firman Allah SWT ini:

رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ لَا إِلَهَ إِلَّاهُوْ فَاتَّخِذْهُ وَكِلْدًا ﴿٩﴾

Maksud: (Dialah) Tuhan Masyrik dan Magrib, tiada Tuhan melainkan Dia, maka ambillah Dia sebagai pelindung.

(Surah al-Muzzammil, 73: 9)

Sama juga ayat yang sedang dibincangkan ayat ini (*al-Fatihah*, 1: 5) bahawa pembicaraan berubah dari bentuk tidak berada di hadapan kepada bentuk berada secara berdepan melalui huruf *kaf* yang menunjukkan makna seseorang sedang berbicara secara berhadapan. Ungkapan ini amat sesuai kerana ungkapan ini akan mengingatkannya tentang kedudukannya dalam keadaan memuji Allah SWT. Seolah-olah Allah SWT berada di hadapannya.

Pembahasan yang dikemukakan menunjukkan bahawa permulaan surat *al-Fatihah* merupakan berita dari Allah SWT yang memuji diri-Nya sendiri dengan sifat-Nya yang terbaik, sekali gus sebagai pertunjuk buat hamba-Nya agar mereka memuji-Nya melalui kalimat tersebut. Hal ini demikian, kerana itulah seseorang tidak akan sah solat seseorang jika dia tidak membaca surah ini sedangkan dia mampu untuk membacanya.

Qatadah mengatakan, makna *Iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in* ialah Allah SWT memerintahkan kamu sekalian agar ikhlas dalam beribadah dan memohon pertolongan kepada-Nya dalam semua urusan. Sesungguhnya lafadz *Iyyaka na'budu* didahulukan atas lafadz *iyyaka nasta'in* tiada lain kerana ibadah kepada-Nya merupakan tujuan utama, sedangkan meminta tolong merupakan alat dalam melakukan ibadah, maka didahulukanlah hal yang lebih penting yang menjadi maksud daripada sesuatu yang hanya menjadi alat.

Apabila ada suatu pertanyaan, "Apakah makna nun dalam firman Allah SWT, *Iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in?*" Jika makna yang dimaksud untuk jamak, ternyata yang berdoa hanya seorang; jika yang dimaksud sebagai *ta'zim*, iaitu membesarkan diri, maka penggunaan nun ini tidak sesuai dengan konteksnya. Sebagai jawaban bolehlah dikatakan bahawa makna yang dimaksud penggunaan nun ini ialah untuk menyampaikan berita tentang jenis dari hamba Allah, sedangkan orang yang melakukan solat adalah salah seorang dari mereka. Hal ini terlebih utama lagi jika seseorang berada dalam solat jamaah atau menjadi imam kepada manusia. Penggunaan nun itu bererti sebagai berita tentang dirinya dan saudaranya yang Mukmin bahawa mereka sedang melakukan ibadah yang merupakan tujuan utama mereka diciptakan, dan dia menjadi perantara bagi mereka untuk kebaikan tersebut.

Ada juga sebagian para ulama mengatakan bahawa tujuan penggunaan *nun* itu juga boleh untuk tujuan *ta'zim* dengan maksud bahawa seakan-akan dikatakan kepada para hamba yang berkaitan bahawa apabila kamu berada dalam ibadah, maka kamu adalah orang yang mulia dan kedudukanmu tinggi. Oleh itu, wajar menggunakan *nun* tersebut untuk tujuan *ta'zim* kepada orang yang sedang dalam ibadat. Namun, apabila kamu berada di luar ibadah, jangan sekali-kali kamu gunakan perkataan ‘kami’ ini dan jangan pula kamu katakan ‘kami melakukan, sekalipun kamu berada di tengah-tengah seratus, seribu, bahkan sejuta orang, kerana semuanya berhajat dan memerlukan Allah SWT.

Ada juga kalangan ulama yang mengatakan bahawa lafaz *Iyyaka na'budu* mengandung makna lebih lembut daripada *Iyyaka A'budu* (إِيَّاكَ أَعْبُدُ) dalam hal merendah diri. Perlu diingat bahawa lafaz kedua ini mengandungi makna membesarkan diri kerana dia menjadikan dirinya sebagai orang yang ahli melakukan ibadah. Padahal tiada seorang pun yang mampu beribadah kepada Allah SWT dengan ibadah yang hakiki, tiada pula yang dapat memuji-Nya dengan pujian yang layak buat-Nya. Perlu diketahui bahawa ibadah merupakan perkara yang besar kedudukannya di sisi-Nya. Seorang hamba menjadi terhormat kerana mempu mengingatkan dirinya sedang berhubungan dengan Allah SWT. Sebab itu, Allah SWT menamakan Rasul-Nya dengan sebutan hamba-Nya dalam tempat yang paling mulia sebagaimana firman-Nya:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ

Maksud: Segala puji bagi Allah yang menurunkan al-Kitab (Al-Quran) kepada hamba-Nya.

(Surah *al-Kahfi*, 18: 1)

Allah SWT juga berfirman:

وَإِنَّهُ لَمَّا قَامَ عَبْدُ اللَّهِ يَدْعُوهُ

Maksud: Dan bawasanya ketika hamba Allah (Muhammad) berdiri menyembahnya.

(Surah *al-Jin*, 72: 19)

Allah SWT menggunakan lagi lafaz hamba dalam firman-Nya yang lain:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا

Maksud: Maha Suci Allah yang memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam.

(Surah *al-Isra*, 17: 1)

Dalam semua ayat ini menunjukkan bahawa Allah SWT menamakan Nabi Muhammad SAW dengan sebutan hamba di saat Allah SWT menurunkan wahyu kepadanya, ketika Nabi SAW berdiri dalam doanya, dan ketika Nabi SAW diisrakkan kepada-Nya. Kemudian Allah SWT memberikan pertunjuk kepada Nabi SAW agar mengerjakan ibadah ketika Nabi SAW sedang mengalami kesempitan dada kerana disebabkan orang yang menentangnya itu mendustakannya, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ نَعَلَمُ أَنَّكَ يَضْيِيقُ صَدْرُكَ بِمَا يَقُولُونَ ﴿٩٧﴾ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَكُنْ مِّنَ السَّاجِدِينَ ﴿٩٨﴾ وَاعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ ﴿٩٩﴾

Maksud: *Dan Kami sungguh mengetahui bahawa dadamu menjadi sempit disebabkan apa yang mereka ucapkan, maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan jadilah kamu antara orang yang bersujud (salat), dan sembahlah Tuhanmu sampai datang kepadamu yang diyakini (ajal).*

(Surah *al-Hijr*. 15: 97-99)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/136) menyatakan bahawa sebagian ulama sufi mengatakan bahawa ibadah itu adakalanya untuk menghasilkan pahala atau untuk menolak siksa. Mereka mengatakan bahawa pendapat ini pun kurang tepat, mengingat tujuannya ialah untuk mengerjakan hal yang menghasilkan pahala. Bila dikatakan tujuan ibadah ialah untuk memuliakan tugas yang ditetapkan oleh Allah SWT, pendapat ini pun menurut mereka (para ulama) dinilai lemah. Pendapat yang tepat ialah seseorang hendaklah beribadah kepada Allah untuk menyembah Zat-Nya Yang Maha Suci lagi Maha Sempurna. Oleh kerana itu, apabila seseorang yang ingin solat, mereka akan mengucapkan niat dalam solatnya dengan lafadz, “Aku solat kerana Allah.” Seandainya seseorang itu solat dengan niat untuk mendapat pahala dan menolak siksaan, maka solatnya menjadi batal. Namun, pendapat ini tidak dipersetujui oleh sebahagian ulama. Mereka membantah dengan berhujah bahawa seseorang yang solat dengan niat kerana Allah SWT juga dibenarkan untuk meminta pahala dan terhindar dari azab.

### ***Al-Fatihah (1: 6)***

Setelah pujian dipanjangkan dalam beberapa ayat sebelum ini kepada Allah SWT, maka sangat sesuai pujian itu pula diiringi dengan permohonan doa sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah RA, iaitu (Muslim, t.th.: 395):

«فِي نِصْفِهِ لِي وَنِصْفُهَا لِعَبْدِي وَلِعَبْدِي مَا سَأَلَ»

*Separuh untuk-Ku dan separuh lainnya buat hamba-Ku, serta bagi hamba-Ku apa yang dia minta.*

(Muslim)

Merupakan suatu hal yang baik bila seseorang yang mengajukan permohonan kepada Allah SWT terlebih dahulu memuji-Nya, setelah itu baru memohon kepada-Nya apa yang dia hajatkan bukan sahaja untuk dirinya, tetapi juga untuk semua saudaranya yang beriman melalui firman Allah SWT ini:

اَهَدِنَا اَلصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾

Maksud: *Tunjukilah kami jalan yang lurus (6).*

Sayidina Ibn ‘Abbas (t.th.: 2) menjelaskan bahawa maksud ayat, “Tunjukilah kami jalan yang lurus” ialah, “Bimbangkan kami kepada agama yang lurus yang Engkau redai, iaitu agama Islam.” Satu riwayat lain pula menafsirkan dengan makna, “Tetapkanlah kami dalam agama Islam.” Terdapat juga riwayat yang menafsirkan perkataan *al-sirat al-Mustaqim* sebagai, “Kitab al-Quran.” Seolah-olah Sayidina Ibn ‘Abbas menyokong

pandangan ini dengan pandangan beliau bahawa al-Quran menunjukkan kepada umat manusia tentang hukum halal dan haram, serta menjelaskan apa yang terkandung dalamnya.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/136) menjelaskan bahawa permohonan para hamba dengan ayat yang bererti, “*Tunjukilah kami jalan yang lurus*” setelah memuji Allah SWT adalah cara yang lebih membawa kepada keberhasilan dan lebih dekat untuk diperkenankan oleh Allah SWT. Hal ini demikian kerana cara inilah yang dijar oleh Allah SWT dengan memberi mereka pertunjuk cara ini untuk memohon sesuatu hajat kerana cara ini merupakan cara yang paling sempurna. Adakalanya permohonan itu diungkapkan oleh si pemohon melalui kalimat berita yang mengisahkan keadaan dan keperluan dirinya, sebagaimana yang dikatakan oleh Nabi Musa a.s. dalam firman-Nya:

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

Maksud: *Ya Tuhanku, sesungguhnya aku sangat memerlukan suatu kebaikan yang Engkau turunkan kepadaku.*

(Surah *al-Qasas*, 28: 24)

Ada juga cara permohonan itu didahului dengan menyebut sifat Tuhan, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Yunus AS dalam firman-Nya:

أَنَّ لَآءَ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٦﴾

Maksud: *Tidak ada Tuhan selain Engkau, Mahasuci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang yang zalim.*

(Surah *al-Anbiya*, 21: 87)

Adakalanya permohonan diungkapkan hanya dengan memuji orang yang diminta seperti seseorang yang memuji Allah SWT dengan nama-Nya al-Razzaq untuk dimudahkan rezeki dalam hidup.

Tafsiran kepada ayat ini (*al-Fatihah*, 1:6) boleh dipecahkan kepada dua bahagian tafsiran, iaitu *al-Hidayah* dan *al-sirat al-Mustaqim*.

### ***Tafsiran Hidayah***

Hidayah atau dalam bahasa Arabnya sebagai al-hidayah yang dimaksud dalam ayat ini ialah bimbingan dan taufik, iaitu dorongan yang baik. Lafaz hidayah ini adakalanya bersifat kata kerja yang bersifat *mutaaddi*, iaitu yang memerlukan *maf'ul bih* dengan sendirinya. Hal ini sebagaimana yang terdapat dalam ayat dibincangkan. Dengan itu, *al-hidayah* di sini mengandungi makna, “*Berilah kami ilham atau berilah kami taufik, atau anugerahilah kami, atau berilah kami*” sebagaimana yang ada dalam firman Allah SWT ini:

وَهَدَيْنَاهُ الْجَدِيدَنَ ﴿٩٠﴾

Maksud: *Dan Kami menunjukkan kepadanya dua jalan.*

(Surah *al-Balad*, 90: 10)

Ayat ini Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/137) membawa maksud, “*Kami menjelaskan kepadanya (manusia) jalan kebaikan dan jalan keburukan.*”

Adakalanya *al-hidayah muta'addi* dengan *ila* seperti yang ada Dalam firman-Nya:

أَخْتَبَهُ وَهَدَنَهُ إِلَى صَرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿١٦١﴾

Maksud: Allah memilihnya dan memberinya pertunjuk ke jalan yang lurus.

(Surah *al-Nahl*, 16: 121)

Begini juga dengan firman Allah SWT berikut:

فَاهْدُوهُمْ إِلَى صِرَاطِ الْجَحِيدِ  
٢٣

Maksud: Maka tunjukkanlah kepada mereka jalan ke neraka.

(Surah *al-Shaffat*, 37: 23)

Makna hidayah dalam semua ayat ini membawa maksud bimbingan dan pertunjuk. Ayat berikut ini juga membawa maksud yang sama sebagaimana firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ  
٥٩

Maksud: Dan sesungguhnya kamu benar-benar memberi pertunjuk kepada jalan yang lurus.

(Surah *al-Syura*, 42: 52)

Adakalanya *al-hidayah bermuta'addi* kepada lam, sebagaimana ucapan ahli syurga yang dipetik dalam firman-Nya:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَنَا لِهَذَا

Maksud: Segala puji bagi Allah yang menunjuki kami kepada (syurga) ini.

(Surah *al-A'raf*, 7: 43)

Makna yang dimaksud dalam ayat ini ialah, “Segala puji bagi Allah yang memberi kami taufik ke syurga ini dan menjadikan kami sebagai penghuninya.”

Ringkasnya, al-Hidayah ialah pertunjuk sama ada jalan kebaikan atau keburukan. Hidayah terdapat dalamnya bimbingan dan taufik, iaitu dorongan. Kebiasaannya taufik ialah dorongan ke arah kebaikan.

Bahagian terakhir daripada perbincangan *al-hidayah* ini oleh Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/139) ialah tentang persoalan, “Mengapa seorang Mukmin dituntut untuk memohon hidayah dalam setiap solat dan juga dalam keadaan lainnya, padahal dia sendiri merupakan orang yang sudah beroleh hidayah? Seolah-olah Mukmin itu meminta sesuatu yang dia sudah peroleh. Sebagai jawabannya, “Adakah seseorang hamba perlu untuk meminta pertunjuk pada siang dan malam harinya? Sekiranya jawapannya adalah tidak, maka sudah tentu Allah SWT tidak akan membimbangnya ke arah itu. Hal ini kerana sesungguhnya seorang hamba itu selalu memerlukan Allah SWT dalam setiap keadaan. Dia perlukan Allah SWT agar dimantapkan hatinya pada hidayah dan dipertajam pandangannya untuk sentiasa berada dan bertemu dengan hidayah, agar hidayah yang diperolehnya bertambah dari sehari ke sehari secara berterusan.

Sesungguhnya seorang hamba tidak dapat membawa manfaat buat dirinya sendiri dan tidak dapat menolak mudarat terhadap dirinya kerana dia sentiasa bergantung dengan apa yang dikehendaki oleh Allah SWT. Oleh kerana itu, Allah SWT memberikannya pertunjuk agar dia sentiasa meminta kepada-Nya setiap waktunya. Agar Allah SWT memberikan pertolongan dan keteguhan hati serta taufik. Orang yang berbahagia adalah

orang yang beroleh taufik daripada Allah SWT sehingga dirinya terdorong memohon kepada-Nya, kerana sesungguhnya Allah SWT menjamin akan memperkenankan doa orang yang sentiasa meminta kepada-Nya. Apa yang lebih penting lagi bahawa seseorang yang dalam keadaan terdesak lagi sangat memerlukan pertolongan pada setiap waktunya, baik di tengah malam ataupun pada pagi dan petang harinya. Allah SWT berfirman:

يَتَائِفُهَا الَّذِينَ ءَامَنُواءَ اِمْنَوْا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي نَزَّلَ عَلَى رَسُولِهِ وَالْكِتَبِ الَّذِي  
أَنْزَلَ مِنْ قَبْلٍ<sup>٤</sup>

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan kepada Kitab al-Quran yang diturunkan kepada Rasul-Nya (Muhammad, SAW), dan juga kepada Kitab Suci yang diturunkan dahulu daripada itu.*

(Surah *al-Nisa*, 4: 136)

Ayat ini dengan jelas Allah SWT memerintahkan kepada orang yang beriman untuk beriman. Hal seperti ini bukan termasuk ke dalam pengertian mendapatkan apa yang sudah diperoleh, melainkan makna yang dimaksud ialah agar perintah untuk lebih meneguhkan iman untuk terus-menerus melakukan semua amal perbuatan yang memperkuuhkan keimanan seseorang. Allah SWT memerintahkan kepada hamba-Nya yang beriman untuk mengucapkan doa yang termaktub dalam firman-Nya:

رَبَّنَا لَا تُرِعْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ أَلَوَّهَابُ<sup>٨</sup>

Maksud: (*Mereka berdoa dengan berkata*), “*Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau beri pertunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya.* (8)

(Surah *Ali Imran*, 3: 8)

Sayidina Abu Bakar al-Siddiq RA sering membaca ayat ini dalam rakaat ketiga setiap solat Magrib, iaitu sesudah dia membaca surat *al-Fatihah*. Ayat ayat ini dibacanya dengan suara perlahan. Hal ini membuktikan bahawa makna firman Allah SWT, “*Tunjukilah kami ke jalan yang lurus*” ialah permohonan seorang hamba agar ditetapkannya berada di jalan yang lurus dan permohonan seseorang hamba agar jangan sampai Allah SWT membolak-balikkan hati sehingga terkeluar daripada jalan kebenaran.

### ***Tafsir Jalan yang Lurus***

Mengenai jalan yang lurus atau dalam Arabnya sebagai *al-sirat al-mustaqim*, menurut Imam Ibn Jarir (2001: 1/170) bahawa semua kalangan ahli takwil sepakat bahawa yang dimaksud dengan *al-siratal al-Mustaqim* ialah jalan yang jelas lagi tidak berbelok-belok (lurus). Pengertian ini berlaku dalam kalangan semua dialek bahasa Arab. Menurutnya lagi, bukti menunjukkan bahawa pengertian seperti itu tersebut sangat banyak dan tidak terhitung jumlahnya. Salah satunya ialah orang Arab menggunakan perkataan sirat ini dengan makna *ist'arah*, iaitu kata pinjaman yang digunakan untuk menunjukkan setiap ucapan, perbuatan, dan sifat baik yang lurus atau yang menyimpang. Maka jalan yang lurus disebut *mustaqim*, sedangkan jalan yang menyimpang disebut *mu'awwij*.”

Selanjutnya ungkapan para ahli tafsir dari kalangan ulama Salaf dan ulama Khalaf berbeda dalam menafsirkan lafadz sirat ini, sekalipun pada garis besarnya mempunyai makna yang sama, iaitu mengikuti perintah Allah SWT dan Rasul-Nya. Contoh terbaik ialah hadis ini sendiri menjelaskan sabdaan Nabi SAW

yang menafsirkan perkataan *sirat* sebagai Kitab Allah, iaitu al-Quran. Hadis diriwayatkan oleh sahabat Harith seperti dinukilkhan seperti berikut (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2906):

وَهُوَ حَبْلُ اللَّهِ الْمَتِينُ، وَهُوَ الذِّكْرُ الْحَكِيمُ، وَهُوَ الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ.

Maksud: *Bahwa al-Quran merupakan tali Allah yang kuat. Al-Quran adalah bacaan yang penuh hikmah. juga jalan yang lurus.*

(Al-Tirmidhi)

Terdapat juga athar sahabat yang menafsirkan *al-sirat al-Mustaqim* sebagai Kitab Allah SWT, iaitu al-Quran. Atharnya seperti berikut (Al-Marwazi, 1988: 24):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ هُوَ كِتَابُ اللَّهِ.

(Al-Marwazi)

Pandangan ‘Abdullah ini dalam riwayat Imam Al-Tabrani (1994: 9031) dihuraikan dengan lebih mendalam:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: إِنَّ هَذَا الصَّرَاطُ مُحْتَضَرٌ تَحْضُرُهُ الشَّيَاطِينُ يَقُولُونَ: يَا عَبَادَ اللَّهِ هَذَا الظَّرِيقُ فَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ فَإِنَّ الصَّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ كِتَابُ اللَّهِ.

Maksud: ‘Abdullah bin Mas’ud berkata, “Sesungguhnya jalan itu adalah tempat lalu lalang, syaitan selalu datang kepadanya. Hai Abdullah, ambillah jalan ini, kemarilah, tempuhlah jalan ini. Maka mereka berpegang kepada tali Allah karena sesungguhnya tali Allah itu adalah Al-Qur'an.

(Al-Tabrani)

Menurut pendapat lain, *sirat al-mustaqim* adalah al-Islam (agama Islam). Pendapat ini di sokong oleh pandangan Ibn ‘Abbas (t.th.: 2) RA yang menafsirkan *al-sirat al-Mustaqim* dalam surah ini (Surah *al-Fatiha*: 6) sebagai jalan yang lurus, iaitu agama Islam. Hadis ini dikeluarkan oleh Imam dengan perawi sahabat daripada Ibn ‘Abbas RA (Al-Bayhaqi, 2003: 2147):

...《اَهْدِنَا》: اَرْشِدْنَا《الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ》يَعْنِي دِينَ اِلْسَلَامَ لَاَنَّ كُلَّ دِينٍ غَيْرِ اِلْسَلَامِ فَلَيْسَ بِمُسْتَقِيمٍ، الَّذِي لَيْسَ فِيهِ التَّوْحِيدُ...

Maksud: ... Tunjukkan kami, “Pandukan kami”, jalan yang lurus, iaitu agama Islam kerana setiap agama selain Islam bukan berada di jalan yang lurus kerana tidak ada pada agama selain Islam itu sifat mentaubidkan (Allah SWT).

(Al-Bayhaqi)

Pandangan ini disokong oleh sahabat Jabir RA dalam athar seperti berikut (Al-Marwazi, 1988: 25):

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ: الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ هُوَ اِلْسَلَامُ.

Maksud: Jabir bin 'Abdullah RA menceritakan bahawa *al-sirat al-Mustaqim* ialah agama Islam.

(*Al-Marwazi*)

Terdapat juga hadis yang menunjukkan maksud yang sama, iaitu *al-sirat* sebagai agama Islam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, H. (2001: 17634):

عَنْ النَّوَائِسِ بْنِ سَمْعَانَ الْأَنْصَارِيِّ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: "ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا صِرَاطًا مُسْتَقِيمًا، وَعَلَى جَنْبَيِ الصِّرَاطِ سُورَانِ فِيهِمَا أَبْوَابٌ مُفَتَّحَةٌ، وَعَلَى الْأَبْوَابِ سُتُورٌ مُرْخَأَةٌ، وَعَلَى بَابِ الصِّرَاطِ دَاعٌ يَقُولُ: "يَا أَيُّهَا النَّاسُ، ادْخُلُوا الصِّرَاطَ جَمِيعًا وَلَا تُعَوِّجُوا، وَدَاعٌ يَدْعُو مِنْ فَوْقِ الصِّرَاطِ، فَإِذَا أَرَادَ الْإِنْسَانُ أَنْ يَفْتَحَ شَيْئًا مِنْ تِلْكَ الْأَبْوَابِ"، قَالَ: "وَيُحَكَّ، لَا تَفْتَحْهُ؛ فَإِنَّكَ إِنْ تَفْتَحْهُ تَلِجْهُ". فَالصِّرَاطُ الْإِسْلَامُ، وَالسُّورَانِ حُدُودُ اللَّهِ، وَالْأَبْوَابُ الْمُفَتَّحَةُ مَحَارِمُ اللَّهِ، وَذَلِكَ الدَّاعِي عَلَى رَأْسِ الصِّرَاطِ كِتَابُ اللَّهِ، وَالدَّاعِي مِنْ فَوْقِ الصِّرَاطِ وَاعِظُ اللَّهِ فِي قَلْبِ كُلِّ مُسْلِمٍ".

Maksud: *Al-Nawwas ibnu Sam'an al-Ansari* menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Allah membuat suatu perumpamaan, iaitu sebuah jambatan yang lurus; pada kedua sisinya terdapat dua tembok yang mempunyai pintu terbuka, tetapi pada pintu tersebut terdapat tirai yang menutupinya. sedangkan pada pintu masuk ke jambatan itu terdapat seorang penyeru yang menyerukan, "Hai manusia, masuklah kalian semua ke jambatan ini dan janganlah kalian menyimpang darinya." Dan di atas jambatan terdapat pula seorang penyeru; apabila ada seseorang hendak membuka salah satu dari pintu (yang berada pada kedua sisi jambatan) itu, maka penyeru berkata, "Celakalah kamu, janganlah kamu buka pintu itu, kerana sesungguhnya jika kamu buka nescaya kamu masuk ke dalamnya." Jambatan itu adalah agama Islam, kedua tembok adalah batasan (hukuman had) Allah, pintu yang terbuka itu adalah hal yang diharamkan oleh Allah, sedangkan juru penyeru yang berada di depan pintu jambatan adalah Kitab Allah, dan penyeru yang berada di atas jambatan itu adalah nasihat Allah yang berada dalam hati setiap Muslim.

(*Ahmad*)

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/139) mengemukakan pandangan Mujahid mengatakan bahawa makna ayat, "Tunjukilah kami kepada jalan yang lurus" ialah 'perkara yang hak'. Makna ini lebih mencakup semuanya dan tidak ada pertentangan antara pendapat ini dengan pendapat lain yang dibincangkan sebelumnya.

Selain Mujahid, Abu al-'Aliyah pula berpandangan bahawa makna "Tunjukilah kami ke jalan yang benar" ialah Nabi SAW sendiri dan kedua sahabat yang menjadi khalifah sesudahnya, iaitu Abu Bakar dan Umar RA. Ketika Asim menceritakan pandangan Abu 'Aliyah ini kepada al-Hasan, beliau berkata, "Abu al-'Aliyah memang benar dan benar apa yang dinasihatkan."

Ringkasnya, semua pendapat yang dibincangkan pada asasnya adalah benar belaka kerana semua pandangan menyokong antara satu sama lain. Hal ini kerana sesiapa sahaja yang mengikuti Nabi SAW dan kedua sahabat yang sesudahnya, iaitu Abu Bakar dan Umar RA, maka dia sudah mengikuti jalan yang benar. Seterusnya, sesiapa yang sudah mengikuti jalan yang benar, maka dia sudah mengikuti jalan agama Islam. Barang siapa mengikuti jalan agama Islam, maka dia sudah mengikuti al-Quran, iaitu Kitab Allah SWT, iaitu merupakan tali Allah yang kuat atau jalan yang lurus. Semua definisi yang dikemukakan di atas benar, masing-masing membenarkan yang lainnya.

Terdapat juga pandangan lain tentang "Tunjukkan kami ke jalan yang lurus", iaitu pandangan 'Abdullah seperti yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tabrani (1994: 10454):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: «الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ الَّذِي تَرَكَنَا عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ».

Maksud: 'Abdullah berkata, "Al-Sirat al-Mustaqim yang Rasulullah SAW sudah tinggalkan untuk kita semua."

(Al-Tabrani)

Kesimpulan daripada perbincangan tentang "Tunjukan kami ke jalan yang lurus" dibuat oleh Imam Ibn Jarir (2001: 1/171) seperti berikut:

وَفَقْنَا لِلثَّبَاتِ عَلَىٰ مَا ارْتَضَيْتُهُ وَوَفَقْتَ لَهُ مَنْ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِ مِنْ عِبَادِكَ، مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ، وَذَلِكَ هُوَ الصَّرَاطُ الْمُسْتَقِيمُ؛ لَا إِنَّ مَنْ وُفِّقَ لِمَا وُفِّقَ لَهُ مَنْ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ التَّبَّيِّنَ وَالصَّدِيقَيْنَ وَالشَّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ، فَقَدْ وُفِّقَ لِلإِسْلَامِ، وَتَصْدِيقِ الرُّسُلِ، وَالثَّمَسُكِ بِالْكِتَابِ، وَالْعَمَلِ بِمَا أَمْرَهُ اللَّهُ بِهِ، وَإِلَزِيجَارِ عَمَّا زَجَرَهُ عَنْهُ، وَاتِّبَاعِ مِنْهَاجِ التَّبَّيِّنَ، وَمِنْهَاجِ الْخُلَفَاءِ الْأُرْبَاعَةِ، وَكُلُّ عَبْدٍ صَالِحٍ وَكُلُّ ذَلِكَ مِنَ الصَّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ.

Maksud: Berilah kami taufik keteguhan dalam mengerjakan semua yang Engkau redai dan semua ucapan serta perbuatan yang dilakukan oleh orang yang Engkau berikan nikmat taufik antara hamba-Mu, itulah yang dimaksudkan dengan al-sirat al-mustaqim (jalan yang lurus). Dikatakan demikian kerana seseorang yang diberi taufik untuk mengerjakan semua perbuatan yang pernah dilakukan oleh orang yang mendapat nikmat taufik dari Allah SWT antara hamba-Nya, iaitu dalam kalangan para nabi, para siddiqin, para syuhada, dan orang yang soleh bererti dia sudah mendapat taufik dalam Islam, berpegang teguh kepada Kitab Allah, mengerjakan semua yang diperintahkan oleh Allah, dan menjauhi larangan-Nya serta mengikuti jejak Nabi SAW dan empat khalifah sesudahnya serta jejak setiap hamba yang soleh. Semua itu termasuk ke dalam pengertian al-sirat al-mustaqim (jalan yang lurus).

(Ibn Jarir, 2001: 1/171)

Sebagai kesimpulan, setiap perbincangan hadis dan para ulama dalam mendefinisikan pengertian *al-Sirat al-Mustaqim* dalam surah *al-Fatihah* (1: 6), secara dasarnya pengertian tersebut adalah sesuai dan tepat. Hal ini demikian kerana pengertian yang dibincangkan pada hakikatnya adalah mendokong antara satu sama lain tentang jalan yang lurus yang terdiri dalamnya keteguhan dalam iman dan Islam.

### *Al-Fatihah (1: 7)*

Allah SWT melanjutkan firman-Nya tentang *jalan yang lurus* pada ayat *al-Fatihah* (1: 6) dengan dengan ciri yang lebih mendalam melalui firman-Nya ini:

صَرَاطُ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

Maksud: Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat (7).

Sayidina Ibn 'Abbas (t.th.: 2) dalam menafsirkan ayat ini yang bermaksud, "Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka" dengan maksud "agama yang dianut oleh orang yang Engkau anugerahkan kepada

mereka agama yang lurus. Mereka itu ialah para pengikut Nabi Musa sebelum nikmat Allah SWT berubah menjadi azab ke atas diri mereka. Nikmat tersebut berupa dinaunginya mereka dengan awan dan diturunkan mereka makanan senenis madu dan salwa, iaitu sejenis burung seperti burung puyuh kepada mereka di padang Tih. Riwayat yang lain pula menyebutkan bahawa orang yang Engkau kurniakan nikmat ialah merujuk kepada para nabi.

Untuk perbincangan yang lebih mendalam, dua bahagian penting dalam perbincangan ayat ke tujuh surah *al-Fatihah* (1: 7) ini dipecahkan kepada tafsiran golongan orang yang diberi nikmat dan tafsiran golongan orang yang dimurkai dan sesat. Bahagian akhir sebagai penutup tafsiran ialah perbincangan ucapan amin selepas seseorang membaca surah *al-Fatihah* sama dalam atau luar solat.

### **Tafsiran Golongan yang diberi nikmat**

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/140) dalam menafsirkan surah *al-Fatihah* (1: 7) menghuraikan terlebih dahulu potongan pertama ayat dalam surh ini, iaitu:

صَرَاطَ الَّذِينَ أَنْجَمْتَ عَلَيْهِمْ

Maksud: Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka.

Dalam hadis yang lalu, iaitu hadis yang dikeluarkan oleh Imam Muslim (t.th.: 395) ada disebutkan bahawa apabila seseorang hamba mengucapkan, “Tunjukilah kami ke jalan yang lurus...” sehingga ke akhir ayat, Allah SWT berfirman, “Ini untuk Hamba-Ku dan bagi hamba-Ku apa yang dia minta”, maka firman Allah SWT yang mengatakan, “Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka” ini berkedudukan sebagai mentafsirkan makna siratal mustaqim. Menurut kalangan ahli nahu menjadi *badal* dan boleh juga dianggap sebagai ‘ataf bayan (keterangan kepada perkara yang sebelumnya).

Menurut Ibn ‘Abbas bahawa orang yang memperoleh anugerah nikmat dari Allah SWT ialah mereka yang disebutkan dalam surat *al-Nisa’* melalui firman-Nya:

وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَأُولَئِكَ مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّنَ وَالصَّدِيقِينَ  
وَالشَّهِدَاءِ وَالصَّابِرِينَ وَحَسْنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا ﴿٦﴾ ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنْ اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ عَلَيْمًا ﴿٧﴾

Maksud: Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka mereka akan (ditempatkan di syurga) bersama-sama orang yang dikurniakan nikmat oleh Allah kepada mereka, iaitu nabi, dan orang Siddiqin, dan orang yang Syahid, serta orang yang soleh. Dan amatlah eloknya mereka itu menjadi teman rakan (kepada orang yang taat). (69) Yang demikian itu adalah limpah kurnia dari Allah; dan cukuplah Allah Yang Maha Mengetahui (akan balasan pahalanya). (70)

(Surah *al-Nisa*, 4: 69-70)

Secara ringkas dalam perbincangan dalam kalangan ulama tafsir bahawa maksud ayat, Iaitu jalan orang yang Engkau kurniakan nikmat kepada mereka adalah seperti berikut:

- (1) Ibn Anas: Para nabi.
- (2) Ibnu Abbas RA dan Mujahid: Orang beriman.
- (3) Waki': Muslim.
- (4) Abdur Rahman ibn Zaid ibn Aslam: Nabi SAW dan orang yang mengikutinya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/140), tafsir yang dikemukakan oleh Ibnu Abbas dengan membawakan ayat al-Quran surah *al-Nisa* (4: 69-70) sebelum ini mempunyai pengertian yang lebih mencakup dan lebih luas daripada apa yang dibincangkan tokoh-tokoh tafsir ini.

### **Tafsiran Golongan Dimurkai dan Sesat**

Seterusnya Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/140) menjelaskan tafsiran surah *al-Fatihah* (1: 7) untuk potongan kedua ayat ini dalam firman Allah SWT berikut:

غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الظَّالِمِينَ

Maksud: Bukan (jalan) orang yang Engkau murkai, dan bukan pula (jalan) orang yang sesat (7).

Makna ayat ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/140) berkait rapat dengan ayat, “*Tunjukilah kami kepada jalan yang lurus*” sebelum ini dengan tafsiran penuh, “Iaitu jalan orang yang Engkau berikan anugerah nikmat kepada mereka yang disebutkan sifat dan ciri khasnya. Mereka adalah ahli hidayah yang istiqamah, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Selain itu, mereka mengerjakan semua yang diperintahkan-Nya dan menjauhi semua yang dilarang-Nya. Bukan jalan orang yang dimurkai, iaitu mereka yang rusak kehendaknya kerana mereka mengetahui perkara yang benar, tetapi menyimpang dari jalan yang benar itu. Bukan juga jalan orang yang sesat, iaitu mereka yang tidak memiliki ilmu agama yang akhirnya mereka bergelumang dalam kesesatan lagi tidak mendapat hidayah kepada jalan kebenaran.” Pembicaraan dalam ayat ini dikuatkan dengan huruf *la* (ل) untuk menunjukkan bahawa ada dua jalan yang kedua-duanya rusak, iaitu jalan yang ditempuh oleh orang Yahudi dan oleh orang Nasrani.

Sebagian dari kalangan ulama nahwu ada yang berpandangan bahawa kata *gayr* (غير) dalam ayat ini bermakna *istisna*, iaitu pengecualian. Oleh itu, *istisna* di sini menjadi *istisna' munqati'*, iaitu pengecualian yang terputus daripada golongan sebelumnya. Seolah-olah bahawa golongan ini dikecualikan daripada golongan orang yang beroleh nikmat. Bahkan mereka bukan termasuk ke dalam golongan orang yang beroleh nikmat.

Demikian pula dalam kalimat dalam ayat *gayr al-maghidub 'alayhim* (غير المغضوب عليهم), makna yang dimaksudkan di sini ialah *gayr sirat al-maghidub 'alayhim* (غير صراط المغضوب عليهم), iaitu bukan pula jalan orang yang dimurkai. Ada juga yang berpandangan bahawa huruf *la* dalam firman-Nya, walad dallin (ولاء الصالحين) ialah *la zaidah*, iaitu *la* tambahan sahaja. Bentuk kalam selengkapnya menurut rumusan mereka adalah seperti berikut, iaitu “Bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan orang yang sesat. Namun, makna yang sahih adalah seperti yang kami sebutkan di atas sebelum ini berhujahkan athar Umar ibn alKhattab RA yang menyebut pernah meletakkan kalimah *la* digantikan dengan kalimah *gayr* dan sanad athar ini pula adalah sahih. Tambahan pula Ubay bin Ka'ab RA juga membaca dengan demikian.

Berdasarkan hujah bacaan Sayidina Umar dan Ubay ini, maka ini membuktikan bahawa huruf *la* didatangkan hanya untuk menguatkan makna nafi agar tidak ada dugaan yang menyangka bahawa lafaz ini disandarkan kepada *allazina an'amta 'alayhim* (الذين أنعمت عليهم). Selain itu, kalimah *la* juga untuk membezakan kedua jalan tersebut dengan maksud agar masing terpisah jauh dari yang lainnya. kerana sesungguhnya jalan yang ditempuh oleh ahli iman mengandungi ilmu yang benar dan pengamalannya yang benar. Sedangkan orang Yahudi kehilangan pengamalannya yang benar, dan orang Nasrani kehilangan ilmunya yang benar. Oleh kerana itu, dikatakan murka menimpa orang Yahudi dan kesesatan menimpa orang Nasrani.

Orang yang mengetahui suatu ilmu lalu dia meninggalkannya, iaitu tidak mengamalkannya, bererti orang ini berhak mendapat murka. Sedangkan orang yang tidak mempunyai ilmu ditujukan kepada orang Nasrani, ketika mereka menuju ke suatu tujuan, mereka tidak mendapat pertunjuk untuk menuju ke jalan itu. Hal ini seperti maksud hadis (Ahmad, H., 2001: 17634), iaitu mereka mendatangi sesuatu bukan dari

pintunya seolah-olah mereka tidak mengikuti jalan yang betul, akhirnya sesatlah mereka. Dikhkususkan mendapat murka ialah orang Yahudi sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT:

مَنْ لَعَنَهُ اللَّهُ وَغَضِبَ عَلَيْهِ

Maksud: *Ialah orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkai-Nya.*

(Surah al-Maidah, 6: 60)

Sedangkan apa dikhkususkan mendapat ciri sesat adalah orang Nasrani, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلٍ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ  
◎

Maksud: *(Satu kaum) sesat sebelum ini dan menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka tersesat (jauh) dari jalan yang betul* (77)

(Surah al-Maidah, 5: 77)

Hal yang sama disebutkan pula oleh banyak hadis dan athar. Pengertian ini nampak jelas lagi terbukti dengan dalil yang diketengahkan pula oleh Imam (Ahmad, H., 2001: 19381).

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ، قَالَ: "جَاءَتْ حَيْلٌ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَأَخْذُوا عَمَّيَ وَنَاسًا، فَآتُوا بِهِمْ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ صُفُوا لَهُ، فَقَالَتْ: "يَا رَسُولَ اللَّهِ، نَاءَ الْوَافِدُ وَانْقَطَعَ الْوَلَدُ، وَأَنَا عَجُوزٌ كَبِيرَةٌ، مَا يَبِي مِنْ خِدْمَةٍ، فَمُنْ عَلَيَّ مَنْ اللَّهُ عَلَيْكَ."، قَالَ: "مَنْ وَافِدُكِ؟" قَالَتْ: "عَدِيُّ بْنُ حَاتِمٍ". قَالَ: "الَّذِي فَرَّ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ!" قَالَتْ: "فَمَنْ عَلَيَّ". فَلَمَّا رَجَعَ، وَرَجُلٌ إِلَى جَنِيهِ، تَرَى أَنَّهُ عَلَيَّ، قَالَ: "سَلِيهِ هُمْ لَنَا، فَسَأَلَّهُ، فَأَمَرَ لَهَا". قَالَ: "فَأَتَتْنِي فَقَالَتْ: "لَقَدْ فَعَلَ فَعْلَةً مَا كَانَ أَبُوكَ يَفْعَلُهَا، فَإِنَّهُ قَدْ أَتَاهُ فُلَانٌ فَأَصَابَ مِنْهُ، وَأَتَاهُ فُلَانٌ فَأَصَابَ مِنْهُ، فَأَتَيْتُهُ فَإِذَا عِنْدُهُ امْرَأَةٌ وَصَبِيَّانٌ أُوْصَيِّيْ". وَذَكَرَ قُرْبَهُمْ مِنَ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: "فَعَرَفْتُ أَنَّهُ لَيْسَ بِمُلْكٍ كَسْرِيْ وَلَا قِيَصِرٍ". فَقَالَ: "يَا عَدِيُّ، مَا أَفْرَكَ أَنْ يُقَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ؟ فَهَلْ مِنْ إِلَهٍ إِلَّا اللَّهُ؟" قَالَ: "مَا أَفْرَكَ أَنْ يُقَالَ: اللَّهُ أَكْبَرُ، فَهَلْ شَيْءٌ أَكْبَرُ مِنَ اللَّهِ، عَزَّ وَجَلَّ؟". قَالَ: "فَأَسْلَمْتُ، فَرَأَيْتُ وَجْهَهُ اسْتَبَشَرَ: " وَقَالَ: "الْمَغْضُوبُ عَلَيْهِمُ الْيَهُودُ، وَإِنَّ الصَّالِحِينَ التَّصَارَى".

Maksud: *Adiyy ibn Hatim mengatakan, "Pasukan berkuda Rasulullah SAW tiba, lalu mereka mengambil makciku dan sejumlah orang dari kaumku. Ketika pasukan membawa mereka ke hadapan Rasulullah SAW, mereka berbaris bersaf-saf di hadapannya, dan berkatalah ibu saudaraku, "Wahai Rasulullah! pemimpin kami jauh. dan aku tak beranak lagi, sedangkan aku adalah seorang wanita yang lanjut usia, aku juga tidak mampu memberi khidmat, maka bebaskanlah diriku, semoga Allah membalaasmu." Rasulullah SAW bertanya, "Siapakah pemimpinmu?" Ibu saudaraku menjawab, "Adiyy ibn Hatim." Rasulullah SAW menjawab, "Dia orang yang membangkang terhadap Allah dan Rasul-Nya." Lalu beliau membebaskan ibu saudaraku. Ketika Rasulullah SAW kembali bersama seorang lelaki di sampingnya lalu lelaki itu berkata (kepada ibu saudaraku), "Mintalah unta kenderaan*

kepadanya.” Lalu aku meminta unta kenderaan kepadanya dan ternyata aku diberi.” Adiyy ibn Hatim melanjutkan kisahnya, “Setelah itu ibu saudaraku datang kepadaku dan berkata, “Sesungguhnya aku diperlakukan dengan suatu perlakuan yang tidak pernah dilakukan oleh ayahmu. Sesungguhnya beliau kedatangan seseorang, lalu orang itu memperoleh darinya apa yang dimintanya; dan datang lagi kepadanya orang lain, maka orang itu pun memperoleh darinya apa yang dimintanya.” Adiyy ibn Hatim melanjutkan kisahnya, “Maka aku datang kepada Baginda SAW Ternyata di sisi beliau terdapat seorang wanita dan banyak anak, lalu disebutkan bahawa mereka adalah kaum kerabat Nabi SAW. Maka aku kini mengetahui bahawa Nabi SAW bukanlah seorang raja seperti Kaisar, bukan pula seperti Kisra. Kemudian Baginda SAW bersabda kepadaku, “Hai Adiyy! Apakah yang mendorongmu hingga kamu membangkang tidak mahu mengucapkan, Tidak ada Tuhan selain Allah? Apakah ada Tuhan selain Allah? Apakah yang mendorongmu membangkang tidak mahu mengucapkan, Allahu Akbar? Apakah ada sesuatu yang lebih besar daripada Allah SWT?” Adiyy ibn Hatim melanjutkan kisahnya, “Maka aku memeluk Islam dan kulihat wajah Baginda SAW tampak berseri-seri. Lalu Baginda SAW bersabda, “Sesungguhnya orang yang dimurkai itu adalah orang Yahudi, dan sesungguhnya orang yang sesat itu adalah orang Nasrani.”

(Ahmad)

Hadis ini dan pelbagai lagi hadis yang lain selaras menyatakan bahawa orang yang dimurkai ialah orang Yahudi dan orang yang sesat ialah orang Nasrani (Ibn al-Kathir, 1999: 1/143). Hal ini sehingga Ibn Abi Hatim mengatakan bahawa beliau belum pernah mengetahui dalam kalangan ulama tafsir ada perselisihan pendapat mengenai makna ayat ini. Bukti yang menjadi pegangan padanya tersebut dalam masalah orang Yahudi adalah mereka yang dimurkai dan orang Nasrani adalah orang yang sesat daripada banyak hadis dan daripada firman Allah SWT yang mengisahkan tentang kaum Bani Israil dalam surat *al-Baqarah*, iaitu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
إِنَّمَا أَشَّرَّتْ رَوْبَاهُ أَنْ يَكُونُ فُرُّوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغِيًّا أَنْ يُنَزِّلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَىٰ مَنِ يَشَاءُ  
مِنْ عِبَادِهِ فَبَأْءُ وَبِغَضَبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾

Maksud: Sejahat-jahat perkara (yang mereka lakukan) ialah perbuatan mereka membeli kesenangan dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran yang diturunkan oleh Allah, kerana dengan bahawa Allah menurunkan dari limpah kurnia-Nya (wahyu) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad SAW). Dengan sebab itu sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah bertalu-talu, dan orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan. (90)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 90)

Sementara itu dalam surat *al-Maidah* Allah SWT berfirman:

قُلْ هَلْ أَنْتُمْ كُمْ بِشَرِّ مِنْ ذَلِكَ مَثُوَّبَةٍ عِنْدَ اللَّهِ مَنْ لَعَنَهُ اللَّهُ وَغَضَبَ عَلَيْهِ وَجَعَلَ مِنْهُمْ أَقْرَدَةً وَلَخَنَازِيرَ وَعَبَدَ  
الْأَطْاغِعَتْ أُولَئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ ﴿٦٠﴾

Maksud: Katakanlah: “Mahukah, aku khabarkan kepada kamu tentang yang lebih buruk balasannya di sisi Allah daripada yang demikian itu? Ialah orang yang dilaknat oleh Allah dan dimurkai-Nya, dan orang yang dijadikan di antara mereka sebagai kera dan babi, dan penyembah Taghut. Mereka inilah yang lebih buruk kedudukannya dan yang lebih sesat dari jalan yang betul.” (60)

(Surah *al-Maidah*, 5: 60)

Begitu juga firman Allah SWT tentang orang Yahudi ini:

لِعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤِدَ وَعِيسَى أَبْنَ مَرِيمَ ذَلِكَ بِمَا  
عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

Maksud: orang kafir Yahudi dari Bani Israil dilaknat (dalam Kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. (78) Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka lakukan. (79)

(Surah al-Maidah, 5: 78-79)

Di dalam kitab Sirah (sejarah) disebutkan oleh Zaid ibn Amr ibnu Nufail, ketika dia bersama segolongan teman-temannya berangkat menuju negeri Syam dalam rangka mencari agama yang hanif (agama Nabi Ibrahim AS). Setelah mereka sampai di negeri Syam, orang Yahudi berkata kepadanya, “Sesungguhnya kamu tidak akan mampu masuk agama kami sebelum kamu mengambil bagianmu dari murka Allah.” Maka Amr menjawab, “Aku justeru sedang mencari jalan agar terhindar dari murka Allah.” Orang Nasrani berkata kepadanya, “Sesungguhnya kamu tidak akan mampu masuk agama kami sebelum kamu mengambil bagianmu dari murka Allah.” Maka Amr ibn Nufail menjawab, “Aku tidak mampu.” Amr ibn Nufail tetap pada fitrahnya dan menjauhi penyembahan kepada berhala dan menjauhi agama kaum musyrik, tidak mahu masuk, baik ke dalam agama Yahudi maupun agama Nasrani. Sedangkan teman-temannya masuk agama Nasrani kerana mereka menganggap agama Nasrani lebih dekat kepada agama hanif daripada agama Yahudi pada saat itu. Antara mereka adalah Waraqah ibn Naufal, hingga dia mendapat pertunjuk dari Allah melalui Nabi-Nya, iaitu di saat Allah mengutusnya dan dia beriman kepada wahyu yang diturunkan Allah kepada Nabi-Nya. Semoga Allah melimpahkan reda kepadanya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/143).

### **Perbahasan Ucapan Amin**

Orang yang selesai membaca *al-Fatihah* disunatkan mengucapkan lafaz amin (آمين), iaitu alifnya dimadkan dengan bacaan wakaf yang panjang. Bacaan ini berdasarkan dalil hadis Nabi SAW (Al-Bukhari, 1980: 144):

عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَمْدُدُ بِهَا صَوْتَهُ آمِينَ إِذَا قَالَ: 《غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ  
وَلَا الضَّالِّينَ》

Maksud: Wa'il bin Hujr berkata, “Aku pernah mendengar Nabi SAW membaca:

غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿١﴾

Maka Baginda SAW menyebut “amin” (آمين) seraya memanjangkan suaranya dalam membacanya.

(Al-Bukhari)

Namun, adakalanya ‘amin’ (آمين) dibaca dengan bacaan yang pendek (Al-Nawawi, t.th.: 3/370). Ada juga yang membacanya dengan *ammin* (آمین), iaitu dengan tasydid pada huruf mimnya kerana mengikut bacaan sebagaimana yang terdapat dalam firman Allah SWT berikut:

ءَامِينَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ

Maksud: (*dan jangan pula mengganggu*) orang yang mengunjungi Baitullah.

(Surah *al-Maidah*, 5: 2)

Cara bacaan dengan ditasyidikan mimnya ini adalah dinukilkkan daripada Imam al-Hasan dan Ja'far al-Sadiq (Ibn al-Kathir, 1999: 1/145).

Makna yang dimaksudkan daripada perkataan amin (آمين) ialah *kabulkanlah* (Al-Harawi, 2001: 12/306). Sedangkan menurut Imam al-Tirmidhi makna amin ialah, “*janganlah Engkau mengecewakan harapan kami.*” Tetapi menurut kebanyakan ulama, makna amin ialah, “ya Allah, perkenankanlah bagi kami,” (Ibn al-Kathir, 1999: 1/145).

Bacaan amin ini disunatkan pula bagi orang yang berada di luar solat, dan lebih kuat kesunatannya bagi orang yang sedang solat, baik dia solat sendirian, sebagai imam, ataupun sebagai makmum. dan dalam semua keadaan (Al-Mawardi, 1999: 2/110; Al-Nawawi, t.th.: 3/370). Hal ini demikian kerana dalam terdapat dalam hadis yang menyuruh berbuat demikian sebagai hadis berikut (Al-Bukhari, M. I., 2001: 780; Muslim, t.th.: 410):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ: إِذَا أَمَّنَ الْإِمَامُ، فَأَمَّنُوا، فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ تَأْمِينَهُ تَأْمِينَ الْمَلَائِكَةِ  
غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ - وَقَالَ ابْنُ شِهَابٍ - وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: آمِينَ.

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda, “Apabila imam membaca amin, maka hendaklah kamu juga mengucapkan amin kalian. Hal ini demikian kerana sesungguhnya barang siapa yang bacaan aminnya bersamaan dengan bacaan amin para malaikat, nescaya dia mendapat ampunan terhadap dosanya terdahulu.”

(*Al-Bukhari* dan *Muslim*)

Menurut riwayat Imam Muslim. Rasulullah SAW bersabda (Muslim, t.th.: 410) :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا قَالَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ: آمِينَ. وَالْمَلَائِكَةُ فِي السَّمَاءِ:  
آمِينَ. فَوَافَقَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَى. غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Apabila seseorang di antara kalian mengucapkan amin dalam solatnya, maka para malaikat yang di langit membaca amin pula dan ternyata bacaan masing-masing bersamaan dengan yang lainnya, nescaya dia mendapat ampunan terhadap dosa-dosanya yang terdahulu.”

(*Muslim*)

Makna yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah kepada sesiapa yang bacaan amin bersamaan dengan waktu bacaan amin para malaikat di langit. Sedangkan ada juga yang berpendapat yang dimaksudkan di sini ialah hal keikhlasan sama dengan malaikat yang menyebutnya.

Salah satu kelebihan mengucapkan amin ini ialah doa untuk meminta hidayah dan ditetapkan dalam Islam akan dikabulkan oleh Allah SWT. Hadis tersebutkan dinyatakan seperti berikut (Muslim, t.th.: 404):

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَطَبَنَا فَبَيْنَ لَتَّا سُنَّتَاهُ وَعَلَّمَنَا صَلَاتَتَاهُ فَقَالَ: إِذَا صَلَّيْتُمْ فَأَقِيمُوا صُفُوفَكُمْ ثُمَّ لْيُؤْمِكُمْ أَحَدُكُمْ، فَإِذَا كَبَرَ فَكَبِرُوا، وَإِذْ قَالَ «غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ» فَقُولُوا: آمِينَ، يُجْبِكُمُ اللَّهُ عَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ ﴿٧﴾

Maksud: Abu Musa al-Ash'ari RA berkata, "Rasulullah SAW pernah berkhutbah kepada kami tentang parkara sunat dan mengajar kepada kami tentang solat kami, lalu Baginda SAW bersabda, "Apabila kamu bersolat, hendaklah luruskan saf kamu, lantiklah seseorang mengimamkan kamu, apabila imam bertakbir, hendaklah kamu juga bertakbir, apabila imam membaca

عَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ ﴿٧﴾

maka hendaklah kamu mengucapkan juga amin, nescaya Allah SWT akan memperkenankan doa kamu."

(Muslim)

Dalil tentang bacaan *amin* yang kuat berdasarkan hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 934):

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَلَّا «غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ» قَالَ: آمِينَ حَتَّى يُسْمَعَ مَنْ يَلِيهِ مِنَ الصَّفَّ الْأَوَّلِ

Maksud: Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW ketika membaca:

عَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ ﴿٧﴾

Lalu baginda membaca 'Amin' hingga orang yang berada di sebelah kiri dan kanannya dari saf pertama mendengar suaranya.

(Abu Dawud)

Disunatkan Imam dan maknum bersama-sama membaca amin tanpa mempercepat atau melambatkan bacaan amin tersebut. Hal ini berdasarkan dalil hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 937):

عَنْ بِلَالٍ صَدِيقِ الرَّسُولِ، أَنَّهُ قَالَ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، لَا تَسْبِقْنِي بِآمِينَ».

Maksud: Dari Bilal, disebutkan bahawa dia pernah berkata, "Wahai Rasulullah, janganlah engkau mendahuluiku dengan bacaan amin(mu)."

(Abu Dawud)

Murid Imam Malik mengatakan bahawa imam tidak boleh membaca amin, yang membaca amin hanyalah maknum. Hal ini berdasarkan sebuah riwayat yang diketengahkan oleh Imam (Malik, 2004: 253):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ صَدِيقِ الرَّسُولِ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا قَالَ الْإِمَامُ: غَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ، فَقُولُوا: آمِينَ، فَإِنَّهُ مَنْ وَافَقَ قَوْلَهُ قَوْلَ الْمَلَائِكَةِ غُفْرَلَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Apabila imam membaca:

عَيْرُ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِّينَ ﴿٧﴾

*Maka kamu hendaklah mengucapkan amin. Hal ini kerana sesiapa yang aminnya bersama amin para malaikat, dia diampunkan dosanya yang lalu.*"

(Malik)

Hadis ini menunjukkan perintah hendaklah kamu itu ditujukan kepada makmum. Bahkan hadis ini diperkuuhkan oleh mazhab Imam Malik dengan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (t.th.: 404) yang lalu. Namun pandangan ini disangkal oleh sesetengah mazhab lain dengan hujah daripada hadis nabi SAW daripada riwayat yang lalu (Al-Bukhari, M. I., 2001: 780; Muslim, t.th.: 410). Berdasarkan hadis ini jelas menunjukkan bahawa imam juga menyebut amin yang sama-sama diaminkan oleh para makmum.

Mazhab Syafi'i berpendangan bahawa apabila imam lupa membaca amin, maka makmum mengerasakan bacaan aminnya. Hal ini merupakan satu pendapat. Bila imam membaca aminnya dengan suara keras, menurut qaul jadid makmum tidak mengerasakan bacaan amin-nya (Al-Shafi'i, 1990: 1/131). Pendapat yang sama dikatakan pula oleh mazhab Abu Hanifah dan salah satu riwayat dari Imam Malik. Dikatakan demikian kerana amin merupakan salah satu zikir. Untuk itu, tidak boleh dibaca keras, sama halnya dengan zikir solat yang lainnya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/146).

Sedangkan menurut qaul qadim (ijtihad Imam Syafii di Bagdad), makmum membacanya dengan suara keras. Pendapat ini merupakan yang dianut dalam kalangan mazhab Imam Ahmad ibn Hambal dan riwayat lain dari Imam Malik (Al-Shafi'i, 1990: 1/212). Dikatakan demikian kerana dalam hadis disebutkan (Al-Fakihi, 1970: 1853):

عَنْ عَطَاءٍ، قَالَ: "كَانَ الْمَسْجِدُ فِي زَمِنِ ابْنِ الرَّبِيعِ إِذَا قَالَ الْإِمَامُ: «غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِحِينَ» يَرْتَجُ بِآمِينَ"

Maksud: 'Ata' berkata, "Adalah masjid pada zaman Ibn al-Zubayr RA apabila imam mebaca:

غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الصَّالِحِينَ ﴿١﴾

Bergetar (masjid) dengan sebutan 'amin'.

(Al-Fakihi)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/146) menyatakan tentang pendapat ketiga dari padangan beliau iaitu apabila masjid yang dipakai berukuran kecil, maka makmum tidak boleh mengerasakan bacaan amin-nya, kerana para makmum dapat mendengar bacaan imam. Lain halnya jika masjid yang dipakai berukuran besar, maka makmum digalak untuk mengerasakan bacaan amin agar dapat didengar oleh seluruh makmum yang ada di dalam masjid. Galakan ini daripada sumber Imam Ahmad yang diriwayatkan oleh Sayiditina 'A'ishah RA ketika menjelaskan sifat orang Yahudi (Ahmad, H., 2001: 25029):

إِنَّهُمْ لَا يَحْسُدُونَا عَلَى شَيْءٍ كَمَا يَحْسُدُونَا عَلَى يَوْمِ الْجُمُعَةِ الَّتِي هَدَانَا اللَّهُ لَهَا وَضَلُّوا عَنْهَا، وَعَلَى الْقِبْلَةِ الَّتِي هَدَانَا اللَّهُ لَهَا وَضَلُّوا عَنْهَا، وَعَلَى قَوْلِنَا خَلْفَ الْإِمَامِ: آمِينَ"

Maksud: Sesungguhnya mereka tidak dengki terhadap kita atas sesuatu hal sebagaimana kedengkian mereka terhadap kita kerana solat Jumaat yang Allah tunjukkan kepada kita, tetapi mereka sesat darinya; dan kerana kiblat yang Allah tunjukkan kepada kita, sedangkan mereka sesat darinya. dan kerana ucapan amin kita di belakang imam.

(Ahmad)

Hadis ini disokong pula oleh hadis yang lain daripada riwayat Ibn Majah meriwayatkannya pula dengan lafaz seperti berikut (Ibn Majah, 2009: 856):

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ: «مَا حَسَدَتُكُمُ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ، مَا حَسَدَتُكُمْ عَلَى السَّلَامِ وَالثَّأْمِينِ»

Maksud: Tiada sekali-kali orang Yahudi dengki kepada kalian sebagaimana kedengkian mereka kepada kalian kerana ucapan salam dan amin.

(Ibn Majah)

Selain hadis ini, Imam Ibn Majah (2009: 857) meriwayatkan hadis lain yang:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا حَسَدَتُكُمُ الْيَهُودُ عَلَى شَيْءٍ، مَا حَسَدَتُكُمْ عَلَى آمِينَ، فَأَكْثُرُوا مِنْ قَوْلِ آمِينَ»

Maksud: Tidak sekali-kali orang Yahudi dengki kepada kalian sebagaimana kedengkian mereka kepada kalian kerana ucapan amin. Maka perbanyaklah bacaan amin.

(Ibn Majah)

Pada hakikatnya ucapan amin merupakan penutup bagi sesuatu doa sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis (Al-Tabrani, 1993: 219):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، ﷺ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «آمِينَ خَاتُمُ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ»

Maksud: Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Ucapan amin adalah pungkasan doa semua orang bagi hamba-hamba-Nya yang beriman."

(Al-Tabrani)

Ucapan amin ini juga antara pemberian Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya bagi melambangkan kesatuan umat ini dalam solat dan doa. Amalan ini menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/146) ada dilakukan oleh Nabi Musa dan Harun dengan Nabi Musa berdoa yang diaminkan oleh Nabi Harun, namun doa mereka tidak dilakukan dalam solat sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan umat-Nya. Firman-Nya:

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبَّنَا إِنَّكَ أَتَيْتَ فِرْعَوْنَ وَمَلَأَهُ زِينَةً وَأَمْوَالًا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا رَبَّنَا لِيُضْلِلُوا عَنْ سَبِيلِكَ رَبَّنَا أَطْمِسَ عَلَىٰ أَمْوَالِهِمْ وَأَشْدُدْ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُوا حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٨٩﴾ قَالَ قَدْ أُحِبِّتْ دَعْوَتُكُمْ كَمَا فَسَيَقِمَوْلَا تَبِعَانِ سَيِّلَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨٩﴾

Maksud: Dan Nabi Musa pula (merayu dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau memberikan kepada Firaun dan ketua kaumnya barang perhiasan dan harta benda yang mewah dalam kehidupan dunia ini. Wahai Tuhan kami! (Kemewahan yang Engkau berikan kepada mereka) akibatnya menyesatkan mereka dari jalanMu (dengan sebab kekufuran mereka). Wahai Tuhan kami! Binasakanlah harta benda mereka dan meteraikanlah hati mereka (sehingga menjadi keras membantu), maka dengan itu mereka tidak akan dapat beriman sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya. (88) Allah berfirman: "Sesungguhnya

*dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintahKu seterusnya), dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janjiKu)". (89)*

(Surah Yunus, 10: 88-89)

Ayat ini bagi menjelaskan bahawa apabila Imam sudah membaca doa, maka amin daripada para makmum sudah memadai tanpa perlu bagi makmum membaca doa yang sama. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT ini yang menunjukkan bahawa Allah SWT menyebutkan bahawa yang berdoa hanyalah Musa AS sendiri, dan dari konteks kalimat terdapat pengertian yang menunjukkan bahawa Harun yang mengamini doanya. Maka kedudukan Harun ini disamakan dengan orang yang berdoa, kerana berdasarkan firman-Nya:

قَالَ قَدْ أَجِبَتْ دَعْوَتُكُمَا

Maksud: Sesungguhnya dikabulkan doa kamu berdua.

(Surah Yunus, 10: 89)

Hal ini jelas menunjukkan bahawa orang yang mengamini suatu doa seakan-akan dia sendiri yang berdoa.

## PENGAJARAN AYAT

Pengajaran daripada Surah *al-Fatihah* kepada umat Islam:

- (1) Setiap Muslim perlu menghayati kehebatan surah *al-Fatihah* dalam banyak segi, dan mengamalkannya dalam kehidupan kerana:
  - (a) Nama surah yang diberikan oleh hadis terhadap surah ini boleh tergambar daripada tafsiran yang dibincangkan. Seolah-olah nama surah ini adalah rumusan dan kata kunci penting daripada tafsiran terhadap surah ini (Al-Tirmidhi, M., 1998: 3124; Abu Dawud, 2009: 1457):
    - (i) *Al-Fatihah*: Ertinya pembuka. Merupakan pembukaan bacaan dalam solat yang merupakan ibadat terpenting seseorang hamba kepada Allah SWT.
    - (ii) *Umm al-Quran* dan *Umm al-Kitab*: Ibu bagi al-Quran kerana surah ini menjadi kata kunci untuk keseluruhan al-Quran. Kefahaman terhadap surah ini menjadi kunci untuk membolehkan seseorang memahami tujuan al-Quran diturunkan.
    - (iii) *Al-Sab' al-Mathani*: Tujuh ayat yang diulang-ulang atau makna lain terpuji kerana ketujuh-tujuh ayat adalah wajib dibaca secara berulang kali bagi setiap rakaat dalam solat (Al-Muzhiri, 2012: 3/369). Pengulangan ayat itu merupakan salah satu sebab penting kepada umat Islam untuk kebaikan mereka dalam hidup dalam bentuk kesempurnaan pujian buat Allah SWT dan pengkabulan permohonan hidayah yang menjadi perkara terpenting yang diperlukan oleh seseorang Muslim.
    - (iv) *Al-Quran al-'Azim*: Surah al-Quran yang sangat agung kerana menjadi surah pembuka yang terkandung keseluruhan al-Quran dan terkandung dalamnya aspek terpenting yang diperlukan oleh umat manusia.
  - (b) Ciri istimewa penurunan surah ini (Muslim, t.th.: 806)i:
    - (i) Ketika surah ini hendak diturunkan, bunyi guruh dilangit berserta dengan terbukanya satu pintu langit yang belum pernah dibuka untuk wahyu yang lain.

- (ii) Malaikat khusus yang membawa surah ini kepada Rasulullah SAW.
  - (iii) Cahaya bersama surah ini dan penutup surah *al-Baqarah* yang tidak pernah ada seumpama cahaya dalam wahyu yang lain.
  - (iv) Membaca sebahagian daripada surah ini dan penutup surah *al-Baqarah* sudah mencukupi untuk Allah SWT memperkenankan doa para hambanya.
- (c) Surah yang memiliki ciri yang teragung daripada aspek makna dan kandungan:
- (i) Surah ini tidak ada yang semumpamanya sama dalam al-Quran juga tidak pernah seumpamanya ada dalam kitab sebelum al-Quran (Muslim, t.th.: 806) khususnya kitab Taurat dan Injil (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2875; Al-Nasa'i, 1986: 914; Ahmad, M. H., 2001: 21094).
  - (ii) Pembahagian penting antara Allah SWT, iaitu *al-Fatihah* [1: 1-5] dan hambanya, iaitu *al-Fatihah* [1: 6-7] (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2875; Al-Nasa'i, 1986: 914; Ahmad, M. H., 2001: 21094).
  - (iii) Pujian paling sempurna seseorang hamba terhadap Allah SWT [*al-Fatihah*, 1: 1-5] (Al-Bukhari, M. I., 2001: 4703).
  - (iv) Penjelasan sifat pemurah dan penyayang Allah SWT terhadap semua makhluk khususnya kepada setiap individu Muslim (*al-Fatihah*, 1: 1, 1: 3).
  - (v) Penjelasan tentang penguasaan penuh dan tunggal Allah SWT terhadap hari pembalasan bagi menggambarkan bahawa semua makhluk akan berpuas hati terhadap penghakiman, pengiraan amal, dan pemutusan amal manusia (*al-Fatihah*, 1: 4).
  - (vi) Penjelasan tentang pergantungan penuh peribadatan hamba kepada Allah SWT dan permohonan mereka kepada-Nya (*al-Fatihah*, 1: 5).
  - (vii) Penjelasan tentang doa terpenting para hamba kepada Allah SWT dengan persembahan doa dengan adab dan sopan berdoa dan kepastian terhadap pengabulan doa tersebut kepada setiap hamba yang meminta [*al-Fatihah*, 1: 6-7] (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2875; Al-Nasa'i, 1986: 914; Ahmad, M. H., 2001: 21094).
- (d) Surah yang berbeza daripada aspek pembacaan dan pengamalannya kepada setiap individu Muslim:
- (i) Menjadi rukun bacaan solat yang terpenting (Al-Mawardi, t.t.: 1/42; 1999: 2/104). Tanpanya solat tidak sah (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 247).
  - (ii) Allah SWT memberi perhatian penuh terhadap setiap individu Muslim yang membaca *al-Fatihah* ketika dalam solat. Setiap ayat yang dibaca oleh para hambanya akan direspon oleh Allah SWT sehingga ketika hamba tersebut berdoa pada ayat yang yang keenam, maka Allah SWT menjelaskan dia sudah memperkenankan apa yang dipinta oleh hambanya itu (Muslim, t.th.: 395).
  - (iii) Surah ini boleh dibaca ditempat kesakitan untuk menjadi ubat bagi mengurangkan kesakitan atau menyembuhkannya (Al-Bukhari, M. I., 2001: 5007; Muslim, t.th.: 2201).
  - (iv) Surah ini dibaca bersama dengan surah al-Ikhlas sebelum tidur untuk memperoleh keselamatan daripada sebarang malapetaka melainkan malapetaka berbentuk kematian (Al-Bazzar, 2009: 1).

7393). Seorang Malaikat akan diutus untuk menjaganya ketika tidur bagi menjauhkannya daripada malapetaka tersebut (Al-Khara'it, 1999: 952).

(e) Kelebihan *Basmalah* atau zikir bismillah (بِسْمِ اللَّهِ) [al-Fatihah, 1: 1] untuk diamalkan dalam kehidupan:

- (i) Menjadi bacaan terpenting bagi setiap awal surah al-Quran melainkan Surah *al-Tawbah* (9: 1-129). Seolah-olah ibu bagi segala ayat dalam surah *al-Fatihah* ialah ayat pertama surah ini yang dikenali dengan nama '*Basmalah*'. *Basmalah* ini menjadi pemisah di antara surah-surah dalam al-Quran (Abu Dawud, 2009: 788).
- (ii) Zikir terpenting pada setiap amalan yang baik sama ada yang tidak disyariat apatah lagi yang disyariatkan dalam Islam sama ada yang wajib atau yang sunat. Zikir ini memberi keberkatan terhadap semua amalan yang dilakukan (Al-Daruqutni, 2004: 397).
- (iii) Basmalah menjadi salah satu amalan pada awal wuduk ketika membasuh kedua-dua tangan untuk menjadikan wuduk sempurna (Ibn Majah, 2009: 297).
- (iv) Zikir *bismillah* (اللَّهُمَّ جَنِّنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبْ الشَّيْطَانَ مَا رَأَقَنَا) dan doa (بِسْمِ اللَّهِ) yang bererti: *Dengan Nama Allah. Ya Allah! Jauhilah kami daripada Syaitan dan jauhilah Syaitan terhadap apa yang Engkau rezekikan kepada kami* (berupa anak). Doa yang dibaca ini menyebab anak yang terhasil terselamat daripada kemudaran kejahanan syaitan (Al-Bukhari, A. A. M., 2001: 3271).
- (v) Zikir *bismillah* (بِسْمِ اللَّهِ) ketika masuk tandas melindungkan seseorang daripada syaitan dapat melihat auratnya (Ibn Majah, 2009: 297).
- (vi) Zikir *bismillah* (ثُرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةُ بَعْضِنَا، يُشْفَى سَقِيمُنَا، بِإِذْنِ رَبِّنَا) dan doa (بِسْمِ اللَّهِ) yang bererti: "*Dengan nama Allah dan debu tanah kami serta air liur sebahagian daripada kami, jadilah penyembuh penyakit kami dengan izin Tuhan kami.*" Adalah jampi kepada orang yang dalam kesakitan.

(f) Kelebihan zikir *al-Hamdulillah* (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) atau *al-Hamdulillahi rabb al-'Alamin* untuk diamalkan dalam kehidupan:

- (i) *Al-hamdulillah* membawa makna satu kalimah yang diridai oleh Allah untuk diri-Nya; syukur; berterima kasih kepada-Nya dan mengakui segala nikmat-Nya. hidayah-Nya, penciptaan-Nya, dan lain-lainnya; pujian kepada Allah SWT; Selendang (sifat) Tuhan Yang Maha Pemurah; dan *alif lam* pada *al-Hamd* tersebut membawa maksud segala pujian (Ahmad, H., 2001: 23355).
- (ii) *Al-hamdulillah* adalah kalimah kesyukuran hamba yang ikhlas untuk Allah SWT semata-mata. Jika ingin berterima kasih kepada Allah SWT dan makhluk maka dibenarkan menggunakan perkataan syukur (Ibn Jarir, 2001: 1/135).
- (iii) Allah SWT sangat suka kepada pujian hamba-Nya terhadap-Nya. Oleh kerana itu ucapan ini wajar ada dalam permulaan doa (Ahmad, H., 2001: 15586) dan dianggap satu doa yang terbaik (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3383; Ibn Majah, 2009: 3800).
- (iv) Muslim yang beroleh sesuatu nikmat lantas mengucapkan *al-Hamdulillah*, maka dia memperoleh pahala yang lebih besar daripada nikmat yang disyukuri itu (Ibn Majah, 2009: 3805). Hal ini disebabkan ucapan tersebut menyebab seseorang memperoleh pahala memenuhi dacing timbangannya

atau memenuhi ruang antara langit dan bumi (Muslim, t.th.: 112). Pahala ini bersifat kekal hingga ke hari kiamat (Surah *al-Kahfi*, 18: 46).

- (v) Ucapan pujian yang terdapat pujian *al-hamد* kepada Allah SWT, iaitu يَارَبِّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبُغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ (فَلَعْظِيمٌ سُلطانٌ) yang bererti: “Wahai Tuhanku. bag! Engkau segala puji sebagaimana yang layak bagi keagungan zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu.” Doa ini menyebabkan malaikat sukar mencatatkan pahala yang diperoleh oleh hamba tersebut dan Allah SWT memberi pahala ketika bertemu dengannya di hari penghisaban (Ibn Majah, 2009: 3801).
- (g) Setiap Muslim diajar cara memohon hajat kepada Allah SWT dengan adab yang penting daripada surah al-Fatihah (1: 1-7) dari segi:
  - (i) Memulakan bacaan dengan *ta‘awuz* dan *basmalah* (Al-Nawawi, 1996: 80) [al-Fatihah, 1: 1] supaya mendapat perlindungan daripada ganguan syaitan (Surah al-Nahl, 16: 98) sehingga membolehkan seseorang fokus kepada apa yang ingin didoakan. Sedangkan bacaan basmalah memboleh keberkatan diperoleh oleh seseorang ketika berdoa bagi meningkatkan lagi kemakbulan sesuatu doa (Al-Daruqutni, 2004: 397).
  - (ii) Memuji Allah SWT dengan ucapan doa yang terbaik dengan membaca surah al-Fatihah (1: 2) (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 3383; Ibn Majah, 2009: 3800). Sedangkan ucapan pujian dengan panggilan ‘*Ya Rahman!*’ boleh diselang-selangan antara doa yang dipinta jika seseorang meminta keperluan dunia Al-Qurtubi, M. A. (2003). Manakala panggilan ‘*Ya Rahim!*’ pula boleh diselang-selangan dalam doa ketika meminta keperluan akhirat (Surah *al-An‘am*, 6: 165).
  - (iii) Berdoa tentang hidayah merupakan doa terpenting yang mesti ada dalam doa sebelum memohon doa yang lain (*al-Fatihah*, 1: 6).
  - (iv) Berdoa terhadap yang ditakuti dalam hidup khususnya cara hidup Yahudi dan Nasrani (*al-Fatihah*, 1: 7).
  - (v) Dibenarkan seorang berdoa secara lafaz jamak oleh seseorang yang berada dalam kumpulan dan diaminkan pula ahli kumpulan yang lain. Pengabulan doa merangkumi semua orang yang berdoa dan yang mengaminkannya (Surah Yunus, 10: 88-89).
- (h) Keutamaan bacaan ‘amin’ selepas selesai membaca Surah *al-Fatihah* khususnya ketika dalam solat dengan bacaan *jahar*:
  - (i) Bacaan amin imam dan maknum yang selari dengan bacaan amin para malaikat membolehkan orang mengaminkan diampunkan dosa yang lalu (Muslim, t.th.: 410).
  - (ii) Ucapkan amin ini selepas memohon hidayah akan dikabulkan oleh Allah SWT (Muslim, t.th.: 404).
- (2) Setiap Muslim dan non Muslim perlu mengetahui siapa ‘Allah’ (*al-Fatihah*, 1: 1-2), iaitu:
  - (a) Perkataan ‘Allah’ yang dipegang kebanyak ulama Islam adalah *Ism Jamid*, iaitu tidak daripada pecahan mana-mana perkataan. Apa yang berpegang sebagai *Ism Mustaq*, iaitu mempunyai kata akar daripada perkataan kata kerja:
  - (b) Aliha-ya’lahu-ilahat (إِلَهٌ يَأْلَهُ إِلَاهٌ), iaitu puja dan pujaan.

- (c) *Walaha* (وله) yang membawa maksud *tahayyara* (تحير), iaitu hilang atau tidak tercapai.
- (d) *Alaha* (الله) yang membentuk perkataan *alahtu ila fulan* (ألهت إلی فلان), yang bererti, “aku tenang dengannya.” Hal ini kerana roh manusia akan merasa tenang apabila mengenali Allah SWT.
- (e) Nama yang tertinggi bagi zat Allah (Jasmi & Tamuri, 2011) dan salah satu *Ism al-A'zam* kerana menghimpunkan segala sifat-Nya kepada nama ini (Surah *al-Hashr*, 59: 24).
- (f) Nama yang ditujukan dalam berdoa untuk dikabulkan doa mereka (Surah *al-A'raf*, 7: 180). Boleh juga menyebut nama ‘Allah’ berserta dengan nama Allah SWT yang lain yang berjumlah 99 berdasarkan jenis pemintaan apa yang dipinta. Sebagai contoh menggunakan seperti nama *al-Rahman* ketika berdoa memohon hajat kerana nama itu melambang sifatnya yang pemurah kepada para makhluk di dunia (Surah *al-Isra'*, 17: 110).
- (3) Setiap Muslim dan non Muslim perlu mengetahui nama Allah SWT ‘*al-Rahman*’ dan ‘*al-Rahim*’ daripada segi:
- (a) *Al-Rahman* dan *al-Rahim* pula dua kalimah yang merupakan *Ism Mushtaq* atau pecahan daripada perkataan *al-Rahmah* atau *al-Rahm* dengan tujuan sebagai makna berlebihan (صيغة مبالغة). Sedangkan *Rahman* melebihi lagi daripada sifat *Rahim* (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 1907).
  - (b) *Al-Rahman* adalah sifat pengasih Allah SWT yang terangkum kepada semua makhluk-Nya (Surah *Taha*, 20: 5). *Al-Rahim* Allah SWT pula hanya untuk orang Mukmin sahaja (Surah *al-Ahzab*, 33: 43).
  - (c) *Al-Rahman* tidak boleh digunakan secara tunggal kepada nama makhluk atau manusia, tetapi boleh digunakan jika ada perkataan awal seperti ‘*Abd al-Rahman*’ [عبد الرحمن] sebagai Allah SWT tidak boleh digunakan melainkan ada perkataan awal seperti ‘*Abdullah*’ [عبد الله] (Al-Qurtubi, M. A., 2003) sebagaimana maksud ayat (Surah *al-Zuhraf*, 43: 45).
  - (d) *Al-Rahim* pula boleh digunakan secara tunggal kepada nama manusia berdasarkan pernah al-Quran menggunakan untuk merujuk sifat makhluk (Surah *al-Tawbah*, 9: 128).
  - (e) Sifat *al-Rahim* Allah SWT kepada Muslim melebihi daripada keinginan-Nya untuk mengazab para hamba-Nya itu di alam akhirat (Surah *al-Hijr*, 15: 49-50).
- (4) Setiap Muslim dan non Muslim wajar memahami dan menghayati kalimah ‘*Rabb*’ yang membawa maksud (Ibn al-Kathir, 1999: 1/131) kerana penghayatan kepada kalimah ini menggambarkan tentang betapa Allah SWT merupakan Tuhan yang sebenar-benar Pemilik, Pengurus, dan Pentadbir yang baik:
- (a) Istilah bahasa bermakna ‘Tuan’ iaitu tuan pengurus yang mengurus dengan penuh keteraturan dan kesempurnaan. *Rabb* juga bererti Pemilik yang berhak mentadbir dan mengurus.
  - (b) Lafaz *al-Rabb* tidak boleh digunakan melainkan untuk Allah SWT kecuali jika *rabb* itu disandarkan dengan lain kalimat seperti *Rabb al-Dar* (pemilik rumah).
- (5) Setiap Muslim dan non Muslim wajar memahami dan menghayatan ‘*al-'alamin*’ yang merupakan kata jamak daripada kalimah *al-'alam* yang bererti semua yang selain Allah SWT, iaitu semua makhluk yang berakal dalam kalangan manusia, jin, malaikat, dan syaitan; setiap makhluk bernyawa yang berkembang biak; semua yang diciptakan oleh Allah SWT di dunia dan akhirat (Surah *al-Shu'ara'*, 26: 23-24); setiap jenis alam (Ibn al-Kathir, 1999: 1/131); seribu umat dengan enam ratus berada di dalam laut, sedangkan

empat ratus berada di darat (Ibn Kathir, 2009: 2/519); dan semua yang menjadi petanda dan pertunjuk tentang kewujudan Allah SWT (Ibn al-Kathir, 1999: 1/133).

- (6) Setiap Muslim dan non Muslim wajar mengetahui dan memahami sifat *al-Malik* Allah SWT dan sifat *Malik al-Din* yang bererti Penguasa pada hari pembalasan. Hal ini kerana:

(a) Sifat al-Malik Allah SWT:

- (i) Allah SWT adalah sebenar-benar raja ialah Allah SWT (Surah *al-Hasyr*, 59: 23) sedangkan raja-raja lain hanyalah bersifat bukan realiti, iaitu pemikul amanah (Surah *al-Baqarah*, 2: 247).
- (ii) Makruh meletakan nama anak dengan nama Malik al-Muluk, Malik al-Amlak atau Shahanshah Imam (Al-Nawawi, 1998) kerana masuk kalimah ini ialah Raja bagi Segala Raja. Nama ini adalah hanya untuk Allah SWT (Al-Bukhari, M. I., 2001: 6205, 6206; Muslim, t.th.: 2143).
- (iii) Hakikat sebenar alam ini pada asalnya semua tidak wujud sama sekali. Hanya Allah SWT yang Maha Berkuasa bersendirian dalam kerajaan-Nya. Lalu Dia menciptakan satu persatu alam ini dengan meletakkan tempoh akan dibinasakan semula bagi melambangkan bahawa kekuasaan-Nya merupakan kekuasaan seorang raja yang berkuasa mutlak tanpa sesiapapun mampu untuk mencabar-Nya.

(b) Sifat Malik al-Din Allah SWT:

- (i) Lafaz *malik* (مَلِكٌ) dan *maliki* (مَالِكٍ) diambil dari kata *al-mulk* (الْمُلْكُ), iaitu penguasa kerana tiada seorang pun pada hari itu yang mampu mendakwa, dan tiada seorang pun yang dapat mengangkat kepala untuk bersuara kecuali dengan izin Allah SWT (Surah *al-Naba'*, 78: 38; Surah *Taha*, 20: 108; Surah *Hud*, 11: 105).
  - (ii) Tiada seorang pun bersama Allah SWT yang memiliki kekuasaan penuh pemerintahan pada ketika itu sekalipun pada masa itu terdapat raja semasa di dunia dalam kalangan manusia yang sudah dihidupkan semula pada hari pembalasan tersebut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/134).
  - (iii) Al-Din bererti pembalasan dan penghisab (Surah *al-Nur*, 24: 25; Surah *al-Shaffat*, 37: 53). *Al-din* juga membawa maksud dihisab dan mendapat balasan yang setimpal. Perkataan *dana* (دان) yang membawa maksud hisab dan perhitungan.
  - (iv) Hari penghisab atau perbicaraan untuk semua makhluk, iaitu salah satu proses perjalanan pada hari kiamat. Allah SWT membala mereka sesuai dengan amal perbuatannya masing-masing ketika di dunia. Pada hari itu, semua manusia dihadapkan kepada Allah SWT untuk dihitung amal mereka. Tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi daripada pengetahuan Allah SWT sekalipun cuba disembunyikan oleh para hamba-Nya (Surah *al-Haqqah*, 69: 18). Jika amal perbuatan mereka baik, mereka akan mendapat balasan yang baik. Sebaliknya jika jika amal perbuatan mereka buruk, mereka akan mendapat pembalasan yang buruk, kecuali mereka yang mendapat keampunan daripada Allah SWT (Muslim, t.th.: 2788).
  - (v) Setiap hamba perlu banyak bermuhasabah diri kerana hamba yang benar-benar bertakwa ialah hamba yang selalu bermuhasabah sebelum dihisab pada hari penghisab (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2459).
- (7) Setiap Muslim dan non Muslim perlu mengetahui dan memahami bahawa hanya Allah SWT sahaja Tuhan yang layak disembah atau diibadahkan dan diminta pertolongan disebabkan:

- (a) *Al-ibadah* yang bererti ibadah menurut istilah bahasa Arab berasal dari makna *al-zillah*, iaitu tunduk dengan rasa rendah diri. Sedangkan menurut istilah syarak, iaitu suatu ungkapan yang menunjukkan suatu sikap yang terhasil daripada himpunan kesempurnaan rasa cinta, tunduk, serta takut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/134).
- (b) Konsep Allah SWT sebagai Tuhan yang disembah dan tempat diminta pertolongan merupakan rahsia yang sebenar kepada umat manusia untuk permohonan mereka dikabulkan (Surah *Hud*, 11: 123; Surah *al-Mulk*, 67: 29; Surah *al-Muzzammil*, 73: 9).
- (c) Allah SWT memerintahkan umat manusia agar ikhlas dalam beribadah dan memohon pertolongan kepada-Nya dalam semua urusan. Ibadah kepada-Nya merupakan tujuan utama, sedangkan meminta tolong merupakan alat dalam melakukan ibadah, maka didahulukanlah hal yang lebih penting yang menjadi maksud daripada sesuatu yang hanya menjadi alat (Ibn al-Kathir, 1999: 1/134).
- (d) Tiada seorang pun yang mampu beribadah kepada Allah SWT dengan ibadah yang hakiki, tiada pula yang dapat memuji-Nya dengan pujian yang layak buat-Nya melainkan mereka diberikan pertunjuk oleh-Nya untuk melakukan demikian. Perlu diketahui bahawa ibadah merupakan perkara yang besar kedudukannya di sisi-Nya. Oleh sebab itu, seorang hamba dianggap menjadi terhormat di sisi-Nya kerana mempu mengingati dan beribadah kepada-Nya (Surah *al-Kahfi*, 18: 1; Surah *al-Jin*, 72: 19).
- (e) Umat Islam diperintahkan untuk bertasbih, bertahmid, serta melakukan solat sekiranya menghadapi ujian dalam urusan agama dan urusan dunia mereka (Surah *al-Hijr*, 15: 97-99).
- (f) Sebahagian besar ulama berpandangan umat Islam hendaklah beribadah kepada Allah SWT semata-mata untuk menyembah Zat-Nya Yang Maha Suci lagi Maha Sempurna dan bukan kerana yang lain seperti ingin mendapat pahala atau syurga serta terhindar daripada api neraka. Namun, sebahagian ulama yang lain pula berpandangan bahawa seseorang yang solat dengan niat kerana Allah SWT juga dibenarkan untuk meminta pahala dan terhindar daipada azab neraka (Ibn al-Kathir, 1999: 1/136).
- (8) Setiap Muslim dan non Muslim perlu memahami pengertian hidayah dan jalan yang lurus dalam permohonan mereka serta kepentingan permohonan ini kepada umat manusia dari segi (*al-Fatihah*, 1: 6):
- (a) Al-Hidayah ialah pertunjuk sama ada jalan kebaikan atau keburukan. Namun pada kebiasaannya hidayah atau dalam bahasa Arabnya sebagai *al-hidayah* yang dimaksud dalam ayat ini ialah bimbingan dan taufik, iaitu dorongan yang baik (Surah *al-Balad*, 90: 10; Surah *al-Nahl*, 16: 121; Surah *al-Shaffat*, 37: 23).
- (b) Permohonan secara tetap hidayah dalam solat dan luar solat supaya seseorang dapat kekal berada dalam hidayah tersebut (Ibn al-Kathir, 1999: 1/139). Hal ini kerana seseorang hamba itu amat memerlukan Allah SWT untuk menolongnya berada dalam jalan pertunjuk memandangkan nafsu dan syaitan yang sentiasa cuba memandu hamba tersebut ke jalan yang salah (Surah *Ali 'Imran*, 3: 8).
- (c) Jalan yang lurus atau dalam Arabnya sebagai *al-sirat al-mustaqim* dimaksudkan sebagai jalan yang jelas lagi tidak berbelok-belok (lurus), iaitu jalan yang mengikuti perintah Allah SWT dan Rasul-Nya (Ibn Jarir, 2001: 1/170); jalan al-Quran (Al-Tirmidhi, M. I., 1998: 2906; Al-Marwazi, 1988: 24; Al-Tabrani, 1994: 9031); jalan Islam (Al-Bayhaqi, 2003: 2147; Al-Marwazi, 1988: 25; Ahmad, H., 2001: 17634); perkara yang hak (Ibn al-Kathir, 1999: 1/139); jalan Nabi SAW sendiri dan kedua

sahabat yang menjadi khalifah sesudahnya, iaitu Abu Bakar dan Umar RA (Al-Tabrani, 1994: 10454); dan semua jalan yang disebutkan (Ibn Jarir, 2001: 1/171).

- (9) Muslim dan non Muslim wajar mengetahui dan menghayati bahawa orang yang diberi nikmat, orang dimurkai, dan orang yang sesat dalam surah *al-Fatihah* (1: 7), iaitu:
  - (a) Orang yang diberi nikmat ialah para pengikut Nabi Musa sebelum nikmat Allah SWT berubah menjadi azab ke atas diri mereka. Nikmat tersebut berupa dinaunginya mereka dengan awan dan diturunkan mereka makanan senenis madu dan salwa, iaitu sejenis burung seperti burung puyuh kepada mereka di padang Tih (Ibn al-Kathir, 1999: 1/140); para nabi, Siddiqiin, Syahid, dan soleh (Surah *al-Nisa*, 4: 69-70); Mukmin; dan adalah ahli hidayah yang istiqamah, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/140).
  - (b) Orang yang dimurkai merujuk kepada orang Yahudi (Ahmad, H., 2001: 19381) kerana kehilangan pengamalannya yang benar. Hal ini demikian kerana orang yang mengetahui suatu ilmu lalu dia meninggalkannya, iaitu tidak mengamalkannya, bererti orang ini berhak mendapat murka (Surah *al-Maidah*, 6: 60).
  - (c) Manakala orang Nasrani tergolong dalam golongan yang sesat (Ahmad, H., 2001: 19381) dan (Surah *al-Maidah*, 5: 77) kerana kehilangan ilmu yang benar (Ibn al-Kathir, 1999: 1/140). Hal ini demikian kerana orang yang tidak mempunyai ilmu, ketika mereka menuju ke suatu tujuan, mereka tidak mendapat pertunjuk untuk menuju ke jalan itu (Ahmad, H., 2001: 17634).
- (10) Setiap Muslim disunatkan mengucapkan amin sebaik sahaja selesai membaca surah surah *al-Fatihah* sama ada di luar solat atau lebih lagi kesunatan ketika solat berjemaah (Al-Mawardi, 1999: 2/110; Al-Nawawi, t.th.: 3/370). Sebutan amin tersebut terkandung beberapa perkara, iaitu:
  - (a) Sebutan ‘amin’ (أمين) dengan mad pada ‘a’ dan ‘min’ (Al-Bukhari, 1980: 144). boleh juga dibaca dengan tanpa sebaran mad (Al-Nawawi, t.th.: 3/370). Ucapan ammin (أمين), iaitu dengan tasydid pada huruf mimnya juga dibenarkan (Surah *al-Maidah*, 5: 2). Ucapan ini merupakan penutup bagi setiap bahagian doa (Al-Tabrani, 1993: 219).
  - (b) Makna yang dimaksudkan daripada perkataan amin (أمين) ialah *kabulkanlah* (Al-Harawi, 2001: 12/306); *Janganlah Engkau mengecewakan harapan kami*; “Ya Allah, perkenankanlah bagi kami” (Ibn al-Kathir, 1999: 1/145).
  - (c) Sebutan ‘amin’ maknum pada solat bacaan jahar disunatkan untuk dikuatkan sehingga menggegar ruang masjid (Al-Mawardi, 1999: 2/110; Al-Nawawi, t.th.: 3/370), tetapi bukanlah dalam keadaan memekik.
  - (d) Disunatkan Imam dan maknum bersama-sama membaca amin tanpa mempercepat atau melambatkan bacaan amin tersebut (Abu Dawud, 2009: 937).
  - (e) Ucapan ‘amin’ dalam masjid yang kecil tidak perlu dikeraskan suara kerana suara imam boleh didengari oleh semua maknum. Manakalah ucapan amin dalam masjid yang besar digalak untuk dikeraskan suara agar semua maknum mendengar ucapan itu (Ahmad, H., 2001: 25029; Ibn Majah, 2009: 856).
  - (f) Orang Yahudi sangat dengki dengan ucapan ‘amin’ secara keras beramai-ramai ketika dalam solat (Ibn Majah, 2009: 857). Ucapan amin beramai-ramai dalam solat ini juga antara pemberian Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya bagi melambangkan kesatuan umat ini dalam solat dan doa (Ibn al-Kathir, 1999: 1/146).

Semoga umat Islam dalam Muslim dan umat manusia dalam kalangan non Muslim boleh mengambil iktibar tentang perkara yang berkait dengan mereka daripada surah *al-Fatihah* ini. Wassalam.

## RUJUKAN

- Abdullah, Salahuddin, & Khalid, Omar. (2009). *Tafsir Mubin* (Vol. 1-5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (al-Arna'ut Shu'aib & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al- 'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Ahmad, Muhammad Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Amir, Muhammad. (2011). *Al-Tanwir Sharh al-Jami‘ al-Saghir* (Muhammad Ishaq Muhammad Ibrahim Ed. Vol. 1-11). Al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas'ud. (1997). *Ma'alim al-Tanzil fi Tafsir al-Qur'an – Tafsir al-Bughawi* (Muhammad 'Abdullah Al-Namr, Uthman Juma 'ah Dhamiriyyah, & Sulayman Muslim Al-Hirsh Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar Tayyibat li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Bukhari, Muhammad Isma'il. (1980). *Juz' al-Qiraah Khalf al-Imam* (Fadl al-Rahman Al-Thawri Ed. Vol. 1-9). Lahore: Al-Maktabah al-Salafiyah.
- Al-Bukhari, Muhammad Ismail. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Daruqutni, Abu al-Hasan 'Ali. (2004). *Sunan al-Daruqutni* (Shu'aib Al-Arna'ut, Hasan 'Abd al-Mun'im Shalbi, 'Abd al-Latif Hirzullah, & Ahmad Barhum Ed. Vol. 1-5). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Fakihi, Muhammad Ishaq. (1970). *Akhbar Makkah fi Qadim al-Dahr wa Hadisihi* ('Abd al-Malik 'Abdullah Dahish Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar Khidr.
- Al-Harawi, Muhammad Ahmad. (2001). *Tahzib al-Lughah* (Vol. 1-8). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Khara'it, Muhammad Ja'far. (1999). *Makarim al-Akhlaq wa Ma'aliha Mahmud Tara'quha* (Ayman 'Abd al-Jabir Al-Bahiri Ed. Vol. 1). Al-Qahirah: Dar al-Afaq al-Arabiyyah.
- Al-Marwazi, Muhammad. (1988). *Al-Sunnah* (Salim al-Salafi Ahmad Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Mawardi, 'Ali Muhammad. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafii wa huwa Sharh Mukhtasar al-Muzanni* (al-Hasan al-'Ali Muhammad Mu'awwid & 'Adil Ahmad 'Abd al-Maujud Ed. Vol. 1-19). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Mawardi, 'Ali Muhammad. (t.t.). *Al-Iqna'fi Fiqh al-Shafi'i* (Vol. 1-18). T.T.P.: T.P.
- Al-Mubarakfuri, 'Ubayd Allah. (1984). *Mura'at al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih*. Al-Hind: Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Da'wah wa al-Ifta' - al-Jami'at al-Salafiyah.
- Al-Mulla Ali al-Qari, 'Ali. (2002). *Mirqat al-Mafatih Sharh Mishkat al-Masabih* (Vol. 1-9). Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Muzhiri, al-Hussain. (2012). *Al-Mafatih fi Sharh al-Masabih* (Lanjah al-Mukhtassah min al-Muhaqqiqin bi Ishraf Nur al-Din al-Talib Ed. Vol. 1-6). Kuwait: Dar al-Nawadir.
- Al-Nasa'i, Ahmad Shu'aib. (1986). *Al-Mujtabi min al-Sunan* ('Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1996). *Al-Tibyan fi Adab Hamlat al-Qur'an* (Muhammad al-Hijar Ed.). Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1998). *Riyad al-Salihin* (Shu'aib Al-Arna'ut Ed.). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (t.th.). *Al-Majmuk Sharh al-Muhazzab (ma'a Takmilah al-Subki wa al-Muti'i)*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran* (Ahmad al-Barduni & Ibrahim Atyash Ed.). Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. (2003). *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi* (Hisyam Samir al-Bukhari Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. (1999). *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. (1981). *Mukhtasar Ibn Kathir* (Vol. 1-3). Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shafi'i, Muhammad Idris. (1990). *Al-Umm*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tabari, Ibn al-Jarir. (1965). *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*. Al-Qaherah: Matbaah al-Hasaniyyah al-Misriyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). *Al-Dua' li al-Tabrani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu'jam al-Kabir* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Urami, Muhammad al-Amin. (2009). *Al-Kawkab al-Wahhaj Sharh Sahih Muslim* (Hashim Muhammad 'Ali Mahdi Ed.). Makkah al-Mukarramah: Dar al-Minhaj.
- Basmeih, Abdullah. (1999). *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas* (Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'lmiyah.
- Ibn al-Kathir, Ismail. (1999). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Vol. Juz. 1-4). Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. (2001). *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* ('Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy Ed. Vol. 1-24). Yamamah: Dar Hibr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lān.
- Ibn Kathir, Isma'il 'Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Sami ibn Muhammad Salamah Ed.). Beirut: Dar Tayyibah li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, Isma'il 'Umar. (2009). *Musnad al-Faruq Amir al-Mu'minin Abi Hafs 'Umar bin Khattab RA wa Aqwalihī 'ala Abwab al-'alam*. (Imam bin 'Ali bin Imam Ed.). Mesr: Dar al-Falah.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Malik, Anas. (2004). *Muwatta'* (Muhammad Mustafa al-A'zami Ed.). Al-Imarat: Mu'assasah Zayid ibn Sultan Ali Nihyan li al-A'mal al-Khairiyyah wa al-Insaniyyah.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.



Tel: +(6)07-5537501/37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel:msi@utm.my

RUJUKAN KAMI :

UTM.J.01.08 / 10.14 / 2 (5)

RUJUKAN TUAN :

7 Mac 2017

Jamadilakhir 1438

Dr. Abd Rahman bin Hamzah  
Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip  
Ustaz Mohd. Firdaus bin Pazim @ Fadzim  
Ustaz Panji Alam bin Mazhisham  
Ustaz Muhammad Faris bin Mohd Alwi  
Ustaz Mohd. Yusoff bin Mohd. Rawi  
Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah

**Pusat Islam, UTM Johor Bahru**

Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Ismail bin Mustari  
Prof. Madya Dr. Ajmain bin Safar  
Prof. Madya Ahmad Kilani@A.Kilan bin Mohamed  
Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad  
Dr. Mohd. Fauzi bin Abu@Hussin  
Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi  
Dr. Nurazmallail bin Marni  
Dr. Idris bin Ismail  
Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed  
Dr. Aminuddin bin Hehsan  
Dr. Mohd Nasir bin Ripin  
Dr. Mohd. Nasir bin Masroom  
Dr. Wan Hassan bin Wan Embong  
Ustaz Md. Abbas bin Abd Latiff  
Ustaz Ahmad Puhad bin Alim

**Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru**

Ustaz Juhazren bin Junaidi  
**Fakulti Pendidikan, UTM Johor Bahru**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,



### **PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai Pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

3. Pihak Universiti telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 9.15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeling Pentadbiran Bil. 13/2014**.


....2/-

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih. Wassalam..

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam  
Pengarah  
Pusat Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
☎ 07-5537500  
✉ al-dawamy@utm.my